# KANDUNGAN


3 Prakata Pengerusi

4 Laporan Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

6 Profil Korporat

7 Visi dan Misi

8 Penyataan Mengenai Tadbir Urus Korporat

12 Lembaga Pengarah

15 Carta Organisasi

16 Warga Kerja INTEGRITI

21 Ahli – Ahli INTEGRITI

23 Laporan

24 Pusat Komunikasi, Program Bitara dan Antarabangsa

24 Pusat Komunikasi

29 Fiesta INTEGRITI

30 Program Khas

30 Roadshow INTEGRITI

32 Program Bicara Pagi

37 Seminar Anti-Corruption Champions: Sharing Session With Winners Of The Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2018

40 Pusat Koordinasi dan Pemantauan dan Khidmat Pengurusan

40 Program Perancangan Korporat

44 Khidmat Pengurusan

48 Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program

48 Institusi Politik

50 Institusi Ekonomi

52 Institusi Keluarga

52 Kanak-Kanak, Pelajar Dan Belia

54 Agensi Penguatkuasaan

54 Institusi Agama

56 Warisan Dan Budaya

57 Sukan Dan Rekreasi

58 Penyelidikan

60 Pusat Ilmu INTEGRITI

62 Arkib dan Dokumentasi

63 Perundingan

63 Profil Integriti Malaysia (MIP)

64 Pelan Integriti Organisasi (PIO)

65 Instrumen Penilaian Integriti (IAT)

67 Keratan Akhbar

71 Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Diaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

109 *Directors' Report and Audited Financial Statements For The Financial Year Ended 31 December 2018*

# PRAKATA PENGERUSI



Integriti adalah satu rumusan bagi keselarasan di antara tindakan dan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Dalam konteks perkhidmatan awam Malaysia pula diterjemah sebagai keutuhan yang menyentuh soal nilai, etika penjawat awam dan seharusnya menjadi agenda penting pembaharuan pentadbiran dan secara dasarnya ianya sukar dicapai tapi tidak mustahil.

Penerapan budaya dan nilai-nilai murni secara berterusan dan bersederhana dalam segala hal akan meyumbang kepada sifat integriti yang kita mahukan dan pemantapan integriti ini memerlukan perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan yang berkesan. Sinergi bersama secara kolektif ini menjadikan pemantapan integriti yang sangat penting dan perlu dilakukan dengan sistematik, komitmen yang tinggi dan penuh keikhlasan supaya melahirkan penjawat awam yang mempunyai integriti kelas pertama.

Dengan penubuhan agensi Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), saya menaruh keyakinan yang penuh terhadap pengurusan INTEGRITI untuk membantu Malaysia mencapai taraf negara berintegriti tinggi dan mengamalkan nilai-nilai murni sejagat selaras dengan visi dan misi yang telah ditetapkan terutamanya dengan penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN).

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Ahli-Ahli INTEGRITI, rakan-rakan strategik dan semua warga INTEGRITI atas kepercayaan, sokongan serta kerjasama yang telah diberikan selama ini dalam menjayakan agenda integriti negara. Semoga usaha murni yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia dan dirahmati Allah SWT.



**DATUK SERI DR. ISMAIL HAJI BAKAR**

# LAPORAN PEMANGKU PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF




Assalamualaikum WBT dan Salam Integriti.

Alhamdullilah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah melabuhkan tirai 2018 dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program berbentuk advokasi, latihan, penerbitan dan penyelidikan membabitkan penglibatan kesemua lapan institusi yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN).

Hampir 14 tahun sejak pelancaran PIN pada 23 April 2004, pelbagai usaha telah dilakukan secara berterusan untuk meningkatkan integriti dan etika agar ianya hidup subur dan mampu menjadi nilai-nilai positif dalam kalangan masyarakat di negara ini dalam menongkah pelbagai cabaran dan dugaan yang mendatang.

**Program dan Produk INTEGRITI**

Tahun 2018 menyaksikan Roadshow INTEGRITI diteruskan di negeri Perlis dan Kelantan pada 30 Januari dan 5 Februari lalu. Roadshow ini telah dijenamakan semula sebagai Seminar Pemerkasaan Integriti selaras dengan perubahan lanskap kepimpinan negara. Seminar tersebut telah diadakan pada 25 September di negeri Pahang dan 15 November di negeri Perak. Seminar seumpama ini dilihat mampu memberi impak kepada kerajaan negeri apabila maklumat berkaitan isu integriti di peringkat negeri dapat dilihat secara lebih kolektif serta analisis yang berinformatif dan interaktif. Di samping itu, INTEGRITI juga turut menyambut baik hasrat negeri Kedah dalam mengangkat nilai integriti, tadbir urus dan antirasuah melalui program Amanat YAB Menteri Besar Kedah dan Bicara Integriti pada 24 Mei 2018.

Sambutan ulang tahun ke-14 pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan INTEGRITI pada kali ini agak unik kerana buat julung-julung kalinya diadakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui penganjuran Fiesta INTEGRITI. Dalam program ini juga telah dilancarkan Kempen Do It Right - INTEGRITI DI HATI yang mengumpulkan tandatangan lebih 1,000 orang mahasiswa sebagai simbolik komitmen mereka dalam mencapai matlamat PIN dan visi INTEGRITI.

Pada 26 Julai 2018, INTEGRITI dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) menganjurkan Seminar Kebangsaan bertemakan “Agama Sebagai Medium Memupuk Integriti dan Perpaduan Nasional”. INTEGRITI dan PERPADUAN melihat seminar ini sebagai satu landasan penting bagi membolehkan rakyat yang berlainan agama mengangkat nilai-nilai murni berdasarkan perspektif agama masing-masing. Seminar ini telah menampilkan YBhg Prof. Dato’ Dr Siddiq Fadzil, Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Darul Ehsan, telah menyampaikan syarahan utama manakala Majlis Penutup disempurnakan oleh YB Dr. Md Farid Md Rafik, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Kesejahteraan Sosial.

Usaha mengangkat nilai integriti bukan sahaja perlu dilihat daripada perspektif agama sebagai elemen penting kepada individu, namun saya percaya nilai-nilai murni perlu disemai di peringkat awal lagi khususnya

melalui bidang pendidikan. Selaras dengan itu, pada 11 Oktober 2018, Seminar Kebangsaan Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah diadakan. Melalui pendidikan, para pelajar dapat dibentuk menjadi seorang yang mempunyai nilai-nilai jati diri yang kukuh, berakhlak mulia, berpengetahuan dan berkemahiran untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Seminar ini telah dihadiri oleh YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan yang menerima resolusi dan menyampaikan ucaptama bagi pihak YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan. Kemuncak pada tahun 2018 adalah Seminar On Anti-Corruption Champions: Sharing Session With Winners Of The Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2018 yang telah diadakan pada 10 Disember 2018. Seminar ini melakar sejarah yang tersendiri apabila YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah hadir ke INTEGRITI bagi upacara perasmian. Program ini merupakan kolaborasi antara INTEGRITI, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihak Rule of Law and Anti-Corruption Centre (ROLACC) yang berpusat di Qatar. Buku Panduan Tatacara Mencukupi *(Guidelines of Adequate Procedures)* di bawah subseksyen (5) Seksyen 17 A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 turut dilancarkan dalam seminar ini.

Selain daripada itu, penggunaan instrumen Malaysian Integrity Profile (MIP) turut mendapat sambutan menggalakkan di mana ianya telah diperluaskan kepada 10 agensi seperti Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan *Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC)*. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) turut diadakan pada 22 Februari 2018.

Di samping itu, INTEGRITI turut membantu 20 agensi kerajaan dan swasta dalam membangunkan dan memurnikan Pelan Integriti Organisasi (PIO) masing-masing. Di antara agensi kerajaan dan swasta yang terlibat adalah seperti Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KETTHA), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan UDA Holdings.

**Hala tuju baharu INTEGRITI**

Pasca PRU 14 juga menyaksikan usaha-usaha Kerajaan memerangi rasuah terus diperhebatkan terutamanya dengan penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR). Selaras dengan itu, keputusan mensyuarat JKKMAR yang telah diadakan pada 21 September turut mengumumkan bahawa Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) diletakkan di bawah (GIACC).

INTEGRITI juga menyambut baik cadangan penggubalan Pelan NACP dan telah memberikan input kepada cadangan pelan tersebut dalam beberapa siri perbincangan dan mesyuarat yang telah diadakan. Saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan atas sokongan dan bimbingan yang telah diberikan oleh Pengerusi INTEGRITI, YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa merangkap Ketua Setiausaha Negara sehingga 29 Ogos 2018 dan seterusnya kepada YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara yang baharu.

Terima kasih juga kepada ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI dan ahli INTEGRITI serta seluruh warga INTEGRITI yang telah memberikan sokongan padu dalam merealisasikan program-program ke arah pembudayaan integriti dalam kalangan masyarakat.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana telah menyatakan kesungguhan dan komitmen beliau dalam membanteras rasuah. INTEGRITI sebagai agensi yang bertanggungjawab akan memberikan sokongan penuh tanpa berbelah bahagi dalam usaha membina semula negara ini menjadi negara yang bebas rasuah.

**INTEGRITI DI HATI**

Sekian, terima kasih.



**DR. AHMAD FADZLI AHMAD TAJUDDIN**

# PROFIL KORPORAT

# PROFIL KORPORAT

## TENTANG INTEGRITI

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah ditubuhkan pada 23 April 2004 bersempena dengan pelancaran PIN oleh YABhg. Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Sebagai sebuah organisasi yang mendukung integriti, INTEGRITI bertindak sebagai penggerak, penyelaras dan pemantau kepada pelaksanaan PIN agar Malaysia dapat mencapai status negara berintegriti tinggi, berdaya tahan serta rakyat memiliki nilai-nilai murni sejagat.

Bermula dengan Fasa Pertama PIN (2004-2008) yang juga lebih dikenali sebagai Tekad 2008, INTEGRITI meneruskan langkah melaksanakan agenda integriti negara dengan menjadikan Fasa Kedua PIN ataupun Tekad Integriti sebagai asas landasan dan panduan. Kini INTEGRITI berada pada Fasa Ketiga PIN (2014-2018). Bagi merealisasikan agenda integriti nasional, INTEGRITI perlu berganding bahu dengan pelbagai pihak untuk mencapai matlamat yang diinginkan.

## STRUKTUR ORGANISASI

INTEGRITI dibahagikan kepada empat pusat utama yang menjadi penggerak kepada setiap operasi dan aktiviti organisasi bagi mencapai empat output utama dalam rancangan kerja lima tahun INTEGRITI. Pusat-pusat tersebut adalah seperti berikut:

- Pusat Komunikasi, Program Bitara dan Antarabangsa
- Pusat Koordinasi, Pemantauan dan Khidmat Pengurusan
- Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program
- Pusat Ilmu dan Runding Cara Integriti

## OUTPUT INTEGRITI

Bagi membantu Malaysia mencapai status negara berintegriti tinggi, berdaya tahan dan memiliki nilai-nilai murni sejagat, INTEGRITI memfokuskan kepada empat output utama:

1. Institut yang mengkoordinasi, memantau dan menilai pelaksanaan PIN;
2. Institut yang menggerakkan semua lapisan dan sektor masyarakat secara fokus ke arah mencapai lima Sasaran Tekad Integriti;
3. Institut pemikir perdana berkaitan hal ehwal pengukuhan integriti negara; dan
4. Institut rujukan integriti dalam negara dan serantau yang mempunyai rangkaian strategik dan mendapat pengiktirafan global.

# VISI DAN MISI

## VISI

Membantu Malaysia ke arah mencapai negara berintegriti tinggi, yang berdaya tahan dan mengamalkan nilai-nilai murni sejagat

## MISI

Menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan Pelan Integriti Nasional.

# LOGO INTEGRITI

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
*The Malaysian Institute of Integrity*

1. Warna putih yang mendasari tulisan menggambarkan integriti yang suci, bersih dan tidak dicemari.

2. Warna hitam menggambarkan permasalahan integriti yang berlaku dalam diri mahupun negara.

3. Garisan putih lurus menggambarkan bahawa agenda integriti perlu diteruskan walau apa jua halangan. Ia juga membawa maksud tiada bengkang-bengkok dalam mengamalkan integriti.

4. Perkataan INTEGRITI menggunakan huruf besar iaitu mesej utama yang ingin disampaikan.

5. Di bawah perkataan INTEGRITI diletakkan nama Institut Integriti Malaysia iaitu agensi yang diamanahkan untuk mengkoordinasi, menyelaras dan memantau agenda integriti negara.

6. Terjemahan Institut Integriti Malaysia dalam Bahasa Inggeris diletakkan dalam usaha menyebar luas agenda INTEGRITI ke arena antarabangsa.

# PENYATAAN MENGENAI TADBIR URUS

Lembaga Pengarah INTEGRITI memberi perhatian dan komitmen yang tinggi dalam memastikan tadbir urus korporat INTEGRITI adalah berdasarkan piawaian tertinggi dalam setiap urusan pentadbirannya. Justeru, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan penyata mengenai tadbir urus korporat bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

**LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI**

INTEGRITI diketuai oleh Lembaga Pengarah yang memimpin dan mengawal perjalanan organisasi. Selain itu, Lembaga Pengarah turut bertanggungjawab terhadap keseluruhan tadbir urus INTEGRITI dan merupakan badan utama yang merangka, seterusnya menentukan dasar dan hala tuju INTEGRITI untuk mencapai kejayaan dalam matlamat strategiknya.

**KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI**

Lembaga Pengarah INTEGRITI yang dilantik oleh YAB Perdana Menteri terdiri daripada lapan orang ahli. Mereka merupakan golongan profesional berpengalaman luas, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang sama ada dalam perkhidmatan awam, perniagaan, kewangan mahupun perundangan. Empat daripada mereka merupakan ahli *ex-officio* yang dilantik berdasarkan jawatan dalam perkhidmatan awam, sementara individu lain yang dilantik adalah dalam kalangan sektor korporat dan ahli akademik.

**TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam meluluskan polisi-polisi utama dan memastikan urusan atau aktiviti institut adalah selaras dengan matlamat penubuhan institut. Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai dan memantau pencapaian hala tuju strategik institut.

**MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI**

Selain Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah INTEGRITI juga telah mengadakan satu mesyuarat fizikal dan lima mesyuarat secara edaran sepanjang tahun 2018 bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan integriti termasuk perancangan program dan aktiviti integriti. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh hal ehwal operasi dan pentadbiran organisasi. Semua input perbincangan dan keputusan mesyuarat telah dicatatkan dan diminitkan.

**BILANGAN MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH INTEGRITI**

Berikut merupakan tarikh dan bilangan mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun 2018:

1. Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI Bil. 1/2018 (21 Mac 2018)
2. Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI Secara Edaran Bil. 1/2018 (1 Jun 2018)
3. Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI Secara Edaran Bil. 2/2018 (18 Julai 2018)
4. Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI Secara Edaran Bil. 3/2018 (29 Ogos 2018)
5. Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI Secara Edaran Bil. 4/2018 (17 Oktober 2018)
6. Mesyuarat Lembaga Pengarah INTEGRITI Secara Edaran Bil. 5/2018 (28 Disember 2018)

Berikut merupakan kehadiran Lembaga Pengarah:

| Lembaga Pengarah | Jumlah Kehadiran | Peratusan Kehadiran |
|---|---|---|
| Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa (sehingga 28 Ogos 2018) | 1/1 | 100% |
| Tan Sri Zainal Rahim bin Seman (sehingga 31 Mei 2018) | 1/1 | 100% |
| Tan Sri Dr. Madinah bin Mohamad (sehingga 28 Disember 2018) | 1/1 | 100% |
| Tan Sri Dzulkifli Ahmad (sehingga 14 Mei 2018) | 0/1 | 0% |
| Tan Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad (sehingga 31 Mei 2018) | 0/1 | 0% |
| Tan Sri Datuk Amar (Dr) Hamid Bugo | 1/1 | 100% |
| Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh | 1/1 | 100% |
| Dato' Wira Dr. Ismail bin Ibrahim | 1/1 | 100% |
| Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad | 1/1 | 100% |
| Dato' Sri Mohd Shukri Abdull (mulai 13 September 2018) | - | - |
| Datuk Seri Borhan Dolah (mulai 13 September 2018) | - | - |
| Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor (mulai 13 September 2018) | - | - |
| Datuk Seri Dr. Ismail Bakar (mulai 4 Oktober 2018) | - | - |

## JAWATANKUASA DI BAWAH LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah INTEGRITI telah menubuhkan dua jawatankuasa berikut:

i) Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran; dan

ii) Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan

### a) Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran

Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran bertanggungjawab untuk memastikan cadangan calon-calon baharu ahli lembaga pengarah dan juga ahli INTEGRITI akan melalui satu proses tapisan dan pemilihan yang benar-benar layak dan sesuai akan dipilih menjadi Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI dan Ahli INTEGRITI.

Jawatankuasa ini telah bersidang pada 21 Mei 2018 dan 4 Disember 2018.

Keahlian:

- Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo (Pengerusi)
- Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad (sehingga 28 Disember 2018)
- Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad
- Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

**b) Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan**

Jawatankuasa Pelaburan dan Kewangan bertanggungjawab menilai dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai dasar-dasar pelaburan, keberkesanan polisi alokasi aset pelaburan, menimbang dan memperakukan cadangan pembelian dan penjualan pelaburan serta menimbang, memperakukan pelantikan dan penamatan perkhidmatan sesebuah institusi kewangan sebagai Pengurus Dana.

Jawatankuasa ini telah bersidang pada 3 Oktober 2018

Keahlian:

- Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo (Pengerusi)
- Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad (sehingga 28 Disember 2018)
- Dato' Wira Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
- Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

**LEMBAGA PENGARAH**

1. Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar
   Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi INTEGRITI

2. Datuk Seri Borhan bin Dolah
   Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

3. Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull
   Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

4. Dato' Dr. Mohd Ali bin Mohamad Nor
   Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

5. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo
   Pengarah, Sapura Energy Berhad

6. Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh
   Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (2012 - 2018)

7. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad
   INTI-Laureate International

8. Dato' Wira Dr. Ismail bin Haji Ibrahim
   *Member of Muslim World League Organisation Makkah Saudi Arabia.*

# LEMBAGA PENGARAH

# LEMBAGA PENGARAH





**Datuk Seri Dr. Ismail Bakar**
Ketua Setiausaha Negara
merangkap Pengerusi INTEGRITI



**Datuk Seri Borhan Dolah**
Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia



**Dato' Sri Mohd Shukri Abdull**
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia



**Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh**
Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya
Sekuriti Malaysia (2012 -2018)



**Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad**
INTI-Laureate International



**Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo**
Pengarah, Sapura Energy Berhad



**Dato' Dr. Mohd Ali Bin Mohamad Nor**
Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



**Dato' Wira Dr. Ismail Ibrahim**
*Member of*
*Muslim World League Organisation*
*Makkah Saudi Arabia.*



**Tan Sri Dr. Ali Hamsa**
Pengerusi INTERGRITI dan Ketua Setiausaha Negara
(sehingga 28 Ogos 2018)



**Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff**
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI
(sehingga 11 Mac 2018)



**Tan Sri Zainal Rahim Seman**
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
(sehingga 31 Mei 2018)



**Tan Sri Dr. Madinah Mohamad**
Ketua Audit Negara,
Jabatan Audit Negara
(sehingga 28 Disember 2018)



**Tan Sri Dzulkifli Ahmad**
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(sehingga 14 Mei 2018)



**Tan Sri Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad**
Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
(sehingga 31 Mei 2018)

# CARTA ORGANISASI

**LEMBAGA PENGARAH**

**PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

**PUSAT KOMUNIKASI, PROGRAM BITARA & ANTARABANGSA**

1. Program Komunikasi
2. Konvensyen Integriti Nasional
3. ASEAN Integrity Dialogue
4. Breakfast Talk
5. Diskusi Meja Bulat
6. Diskusi Penyelidikan
7. Integrity Art Night
8. Syarahan Khas
9. Syarahan Perdana
10. Members Liaison

**PUSAT PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM**

1. Agensi Penguatkuasaan
2. Institusi Ekonomi
3. Institusi Pentadbiran
4. Masyarakat Sivil & Komuniti
5. Institusi Agama
6. Institusi Politik
7. Sukan & Rekreasi
8. Warisan & Budaya
9. Institusi Keluarga
10. Kanak-kanak, Pelajar & Belia

**PUSAT KOORDINASI & PEMANTAUAN DAN KHIDMAT PENGURUSAN**

1. Program Perancangan Korporat
2. Program Pemantauan dan Penilaian

**PUSAT ILMU DAN RUNDING CARA INTEGRITI**

1. Perundingan
2. Fellowship/Makmal
3. Arkib dan Dokumentasi
4. Penyelidikan
5. Pusat Ilmu

**KHIDMAT PENGURUSAN**

1. Unit Pentadbiran
2. Unit Sumber Manusia
3. Unit Kewangan
4. Unit ICT

**JAWATANKUASA KHAS**

1. Penerbitan
2. Penyelidikan
3. Komunikasi
4. Pelaburan dan Kewangan

# WARGA KERJA INTEGRITI

## PEJABAT PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



(Dari kanan) Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Muhammad Azlan Mohamed Lazim, Nazsalwani Mohd Senan dan Shazlan Sudan.

## PEJABAT PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



(Dari kanan) Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin dan Shahada Ghazali.

## PENGARAH KANAN



Dr. Mohd Nizam Mohd Ali

## PUSAT PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM

### Kluster Pentadbiran dan Agensi Penguat Kuasa



(Dari kiri) Mohd Elminizam Mohamed Ramli, Harisham Ibrahim (Ketua Kluster dan Penyelaras), Zul'Ain Jusoh @ Arifin dan Mohd Hafizdi Che Md Akhir.

### Kluster Ekonomi



(Dari kiri) Nurhafizah Zahari, Wan Nooraine Husin, Mohd Ismail Abdul Jalil (Pengarah dan Penyelaras) dan Maszura Majid.

### Kluster Masyarakat dan Politik



(Duduk, dari kiri) Abdul Rahim Ahmad Damanhuri, Loganathan Veerasamy (Ketua Kluster dan Penyelaras) dan Zubayry Abady Sofian. (Berdiri, dari kiri) Roziah Harun dan Sherina Salahuddin.

### Kluster Sosiobudaya



(Dari kiri) Dianhazri Rafie, Izal Arif Zahrudin (Ketua Kluster dan Penyelaras), Nelly Mansin, Fison Hamdi Ahmad dan Abdul Fatah Chik.

## PROGRAM PERANCANGAN KORPORAT





(Dari kanan) Mohd Yany Yusoff (Ketua Penyelaras Program), Judlifah Mohd Jamil, Nor Azni Ahmad Husairi dan Rozana Md Tahir serta Nur Faranajwa Yahya (gambar kanan)

## PUSAT KOORDINASI & PEMANTAUAN DAN KHIDMAT PENGURUSAN



(Duduk, dari kanan) Hamilye Sham Harun dan Mohd Rezaidi Mohd Ishak. (Berdiri, dari kanan) Noranizam Nordin, Fara Hasda Suhaimi dan Nabil Eiman Azman.

## PUSAT KOMUNIKASI, PROGRAM BITARA DAN ANTARABANGSA






(Dari kiri) Rosalizawati Arshad, Aimi Farhana Mohd Amin, Muhammad Faris Badrol Hizad, Norsheeda Din dan Dr Manimaran Govindasamy (Pengarah) (gambar kanan).

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN




(Dari kiri) Mohamed Ismail Mohamed Sultan, Ahmad Jeeffry Mohd Samsudin, Zulfikri Mohamad Yusof, Jaafar Othman, Nur Faranajwa Yahaya, Amerul Muner Mohammad (Pengarah), Busroo Yusoff, Muhammad Faiz Mohd Yusoff, Suriah Mamat, Wan Nuhairy Wan Hadi dan Muhamad Rizakee Jamalludin.





(Dari kiri) Ruslina Mihad dan Aznin Amir.

### Unit Sumber Manusia



(Dari kiri) Norasikin Baharudin (Penyelaras) dan Sarina Sarbani

### Unit Pengurusan Fasiliti




(Dari kiri) Umar Chong Shafie Abdullah (Penyelaras), Rozita Suhaime dan Noor Zihan Mahmad Anuar.

### Unit Teknologi Maklumat



(Dari kiri) Mohamad Hafiz Abdul Halim, Meor Shahram Faiz Mieor Shariman (Penyelaras), Syazwan Che Mat dan Aryzam Rahim.

## PUSAT ILMU DAN RUNDING CARA INTEGRITI

### Runding Cara







(Dari kiri) Rajasegari Krishnan (Ketua dan Penyelaras), Faridah Mohammad, Alida Mahmod dan Mohd Rais Ramli serta Zareena Izmin Ismail (gambar kanan)

### Penyelidikan




(Dari kiri) Zarina Mohamad Amin (Penyelaras) dan Nur Hazlini Mahmood.

### Pusat Ilmu



(Dari kiri) Wan Kamaliah Wan Dagang (Pustakawan) dan Mohd Fadzly Mohd Poad.

## BAHAGIAN KEWANGAN, PELABURAN DAN PERNIAGAAN



(Dari kiri) Noor Hassikin Mohamad Rais, Maszura Majid, Mohd Ismail Abdul Jalil (Pengarah dan Penyelaras), Norliana Ali Akbar, Mariani Abd Wahab dan Nor Hasnizar Mohamad.

# AHLI-AHLI INTEGRITI

## A

Dato' Haji A. Aziz Deraman
Datuk Haji Abdul Ghani Salleh
Tuan Haji Abu Hurairah Ahmad
Encik Ahmad Zakir Abdul Rahman
Dr. Al Azmi Bakar
Datin Aminah Pit Abd Rahman
Dato' Anthony Reynolds Peter
Dato' Sri Azharuddin Abdul Rahman
Datuk Seri Ir. Azman Mohd

## D

Dr. David Sim Huay Chuang

## J

Dato' Dr. Jalaluddin Harun
Dato' Sri Jamil Salleh
Puan Jamilah Hanim Othman
Puan Josie Fernandez

## K

Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar

## L

Dato' Dr. Low Bin Tick

## M

Prof. Dato' Dr. Mahmood Nazar Mohamed
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid
Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Sr. Haji Md Badrul Hisham Awang
Dr. Michael Chiam Tow Hui
Dato' Mohamad Salleh Rafie
Ustaz Dr. Mohammad Nidzam Abdul Kadir
Dato' Seri Panglima Mohd Annuar Zaini
Dato' Mohd Najib Haji Abdullah
Encik Mohd Nasir Ab Hadi
Encik Mohd Salihin Othman
Prof. Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid
Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman
Encik Mohsin Mohd Ghazali
Dato' Haji Mustafa Ali
Tuan Haji Mustafa Sidi

## M

Encik Mustaffa Kamil Ayub
Dato' Muthanna Abdullah

## N

Puan Nik Amlizan Mohamed
Encik Nik Md Riffin
Encik Nik Mohamed Yusoff Afendi Jaafar
Dato' Ir. Noor Azahari Zainal Abidin
Encik Noorazmi Sahar
Puan Noorjan Mohd Mustapha
Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur
Encik Norazman Othman

## P

Encik P. Kanason Pothinker
Datuk P. Venugopal V.K. Menon

## R

Prof. Dr. Rahimah Abdul Aziz
Encik Roslan Pilus
Encik Rozaidi Abdul Rahim Razali

## S

Tuan Haji Sabtu Md Ali
Datuk Seri Haji Saripuddin Hj Kasim
Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Darshan Singh
Dato' Siva Subramaniam Nagaratnam
Dato' Syed Kamarulzaman Dato' Syed Zainol Khodki Shahabudin

## T

YB Dr. Tan Seng Giaw
Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil

## W

Encik Wan Jalani Wan Ismail
Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad
Dato' Sri Haji Wan Mohd Nor Haji Ibrahim
Encik Wan Saifulruddin Wan Jan

## Z

Dr. Zainal Abidin Abdul Majeed
Encik Zainal Abidin Pit
Tan Sri Datin Paduka Seri Hajjah Zaleha Ismail
Dato' Sri Zohari Haji Akob
Datuk Zulkefli Salleh

# LAPORAN

# PUSAT KOMUNIKASI, PROGRAM BITARA DAN ANTARABANGSA

Pusat Komunikasi, Program Bitara dan Antarabangsa bertanggungjawab terhadap hal ehwal perhubungan awam dan komunikasi dalaman dan luaran INTEGRITI. Ini termasuk pelaksanaan program-program khas bagi mewujudkan rangkaian yang strategik di dalam negara, serantau dan antarabangsa serta pengiktirafan di peringkat global. Pelbagai program dan aktiviti telah digerakkan sepanjang tahun 2018 bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

## PROGRAM KOMUNIKASI

### Slot promosi media

Seperti tahun-tahun sebelum ini, INTEGRITI terus mendapat sokongan dan kerjasama yang baik daripada organisasi media dalam mempromosikan program dan aktiviti agenda budaya berintegriti. INTEGRITI menerima banyak jemputan temu bual dan juga *call out promo* bagi menyebar luas agenda pembudayaan integriti. Antara slot adalah seperti berikut :

| Program Saluran | Topik | Tarikh | Kategori |
|---|---|---|---|
| Bernama radio | Integriti | 12 Februari 2018 | Temu bual |
| Selamat Pagi Malaysia (SPM) | Modul Integriti Prasekolah (MIPs) | 20 Februari 2018 | Temu bual |
| Minnal fm | Pemupukan budaya berintegriti | 6 Mac 2018 | Temu bual |
| Mysuara fm | Wanita Tunjang integriti | 7 Mac 2018 | Temu bual |
| Mysuara fm | MIP | 21 Mac 2018 | Temu bual |
| Mysuara fm | YB Bukan Superman | 4 April 2018 | Temu bual |
| MACC fm | Fiesta Integriti | 18 April 2018 | Temu bual |
| Mysuara fm | Melestarikan Ihsan Mendepani Kehidupan Berintegriti | 18 April 2018 | Temu bual |
| Star TV | *Integrity* | 31 Mei 2018 | Temu bual |
| RTM – Program Do it | Integriti | 23 Julai 2018 | Temu bual |
| Agenda awani | '100 Hari Malaysia Baharu' | 31 Julai 2018 | Temu bual |
| The Nation BNC | *Strengthening National Integrity* | 8 Ogos 2018 | Wawancara |
| Bernama News Channel BNC | *Building A Nation That is Known for Its Integrity* | 8 Ogos 2018 | Wawancara |




Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI ketika ditemu bual di Bernama Radio



Dr. Ahmad Fadzli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pn. Roziah Harun Penyelaras Program Kanak-kanak, Pelajar dan Belia mempromosikan Modul Integriti Prasekolah (MIPs) di Selamat Pagi Malaysia

**Penambahbaikan Laman Web dan Saluran Media Sosial INTEGRITI**

Bagi menyahut perkembangan semasa, Program Komunikasi melakukan beberapa penambahbaikan bagi menyediakan maklumat-maklumat terkini, sekali gus meningkatkan kunjungan ke laman web rasmi INTEGRITI.

Antara penambahbaikan yang dilakukan termasuklah:

i. Penambahan segmen untuk media yang merangkumi *subtab* liputan media, siaran media dan koleksi syarahan.

- Liputan media - koleksi siaran media yang telah disiarkan oleh pihak media sama ada menerusi media elektronik dan media cetak.
- Siaran media – kesemua siaran media yang dikeluarkan oleh INTEGRITI untuk diuar-uarkan kepada pihak media mengenai program anjuran INTEGRITI
- Koleksi syarahan - teks ucapan dan syarahan terpilih dimuat naik untuk rujukan bersama.

i. Penambahan subtab Taklimat Integriti yang bertujuan untuk membekal informasi kepada orang ramai kepentingan integriti untuk dibacakan sebelum bermulanya sesuatu program.

ii. Pengunjung laman web dan juga media sosial rasmi INTEGRITI dianggarkan meningkat sepanjang tahun 2018. Status sehingga bulan Disember 2018 adalah seperti berikut:

Laman web rasmi INTEGRITI mendapat tiga juta pengikut sepanjang tahun 2018

Facebook INTEGRITI 6,527 pengikut

Instagram INTEGRITI 996 pengikut

Twitter INTEGRITI 538 pengikut



**Laporan Analisis Media**

Laporan analisis liputan media harian bertujuan untuk memantau isu-isu yang berkaitan dengan integriti dan juga INTEGRITI itu sendiri. Analisis harian ini diedarkan kepada Pengurusan INTEGRITI sebagai panduan mengenai trend dan pola isu-isu integriti dalam dan luar negara. Berdasarkan kepada analisis harian, satu rumusan mingguan dan bulanan turut disediakan. Pembaharuan yang diperkenalkan ini membantu pihak pengurusan mengenal pasti isu-isu yang boleh dijadikan sebagai input dalam merangka pelan tindakan secara lebih efektif. Malah, kemudahan ini juga disediakan untuk memudahkan kerja pegawai-pegawai portfolio dalam mengenal pasti isu-isu terkini berkaitan dengan integriti untuk diambil tindakan selanjutnya.

**Liputan Media**

Peningkatan drastik terus dicapai menerusi liputan media sepanjang tahun 2018 yang merangkumi pelbagai program dan aktiviti INTEGRITI serta rencana–rencana yang ditulis sama ada oleh warga kerja INTEGRITI mahupun penulis – penulis luar. Hasil kerjasama konstruktif daripada rakan-rakan media, INTEGRITI telah memperoleh liputan yang meluas. Nilai liputan media yang direkodkan sepanjang 2018 adalah sebanyak RM1,500.000

**Lawatan dan Kunjungan**

Permintaan daripada agensi-agensi dalam dan luar negara untuk melawat INTEGRITI terus meningkat dan ia memperlihatkan trend yang memberangsangkan. INTEGRITI menggunakan peluang ini untuk mencapai output INTEGRITI iaitu sebagai institut rujukan integriti dalam negara dan serantau yang mempunyai rangkaian strategik dan mendapat pengiktirafan global. Selain itu permintaan juga diterima untuk mengadakan perbincangan dengan pengurusan tertinggi INTEGRITI. Lebih 50 kunjungan diterima oleh Pejabat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif dan INTEGRITI. Siri lawatan ini antara lain diadakan untuk membincangkan hal-hal berkaitan integriti bagi membentuk kerjasama atau menjadi rakan strategik dalam usaha menjayakan agenda integriti. Berikut antara kunjungan yang diterima:

| BIL | TARIKH | AGENSI | AKTIVITI |
|---|---|---|---|
| 1 | 11.1.2018 | Setiausaha Politik kepada Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi | Kunjungan dari YBhg. Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, Setiausaha Politik |
| 2 | 17.1.2018 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | Kunjungan dari Prof Madya Dr. Md Daud Ismail. Prod Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan dan Prof Madya Dr. Noradiva Hamzah dari UKM |
| 3 | 26.1.2018 | Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) | Kunjungan dari Presiden MCW Tn. Hj. Jais bin Abdul Karim |
| 4 | 26.1.2018 | MyWATCH | Kunjungan dari Presiden MyWATCH Dato Hatijah Ayob dan Dr. Zaihah Mohd Zain, Ahli Lembaga Pengarah |
| 5 | 12.2.2018 | Yayasan Antirasuah Malaysia (YARM) | Kunjungan hormat ke Pejabat Presiden |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 | 13.2.2018 | Ketua Unit Integriti | Tajuk taklimat "Integrity Management Tools" |
| 7 | 14.2.2018 | Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa | Rakan RIM baru |
| 8 | 22.2.2018 | Lampong Indonesia | Taklimat "How to build the integrity of the government's internal control apparatus' |
| 9 | 2.3.2018 | JKR Pahang | Memahami peranan dan tanggungjawab penjawat awam memikul tugas |
| 10 | 21.3.2018 | SRIM & USIM | Lawatan daripada Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM), Universiti Sains Islam Malaysia |
| 11 | 22.3.2018 | UKM & SPRM | Taklimat peranan dan tanggungjawab agensi dalam aspek pemantapan integriti, pencegahan rasuah, tadbir urus, penguatkuasaan undang-undang dan lain-lain peranan |
| 12 | 27.3.2018 | Angkatan Tentera Malaysia | Lawatan sambil belajar penuntut Kursus Penasihat Hal Ehwal Islam siri 1/2018 Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia |
| 13 | 28.3.2018 | Delegasi Institut Audit Sri Lanka | Lawatan daripada Delegasi Institut Audit Sri Lanka ke INTEGRITI |
| 14 | 5.4.2018 | Delegasi dari Kementerian Pentadbiran Awam, Bangladesh (MoPA). | Lawatan sambil belajar berkaitan pentadbiran awam di Malaysia |
| 15 | 5.4.2018 | Jabatan Pertanian | Untuk mengetahui fungsi INTEGRITI |
| 16 | 10.4.2018 | Imigresen Pahang | Mengetahui peranan dan fungsi INTEGRITI |
| 17 | 19.4.2018 | Kuwait Anti-Corruption Authority (NAZAHA) | Lawatan sambil belajar berkaitan pentadbiran awam di Malaysia |
| 18 | 26.4.2018 | Universiti Pendidikan Sultan Idris | Penerangan mengenai MIP |
| 19 | 12.7.2018 | SMK Sri Perling | Fungsi dan aktiviti INTEGRITI. |
| 20 | 6.9.2018 | Sri Lanka Foundation | *International Programme on Management Auditing for the Public Sector Auditors* |



Lawatan daripada penuntut Kursus Penasihat Hal Ehwal Islam, Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia




Lawatan daripada Kuwait Anti Corruption Authority (NAZAHA)



Lawatan daripada Delegasi Institut Audit Sri Lanka



Lawatan daripada Delegasi Pegawai Tertinggi Kementerian Pentadbiran Awam, Bangladesh (MoPA)



Lawatan daripada Sekretariat Rakan Integriti Mahasiswa (SRIM) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



Siswa dan siswi dari UPM mengambil bahagian dalam acara Fiesta INTEGRITI




Panel Forum Eksekutif sempena Fiesta INTEGRITI

**Fiesta INTEGRITI**

INTEGRITI dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menganjurkan Fiesta INTEGRITI bersempena ulang tahun ke-14 pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan INTEGRITI pada 20 April 2018.

Program ini diadakan di Kampus UPM, Serdang dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti pameran integriti dan pelbagai permainan yang berorientasikan nilai-nilai integriti.

Aktiviti yang lebih bersahaja ini dilihat berjaya menarik minat golongan belia untuk bersama-sama turut serta dan secara tidak langsung dapat menghayati dengan lebih mendalam makna nilai-nilai integriti. Antara pengisian program adalah Putra Integrity Walk telah melibatkan penyertaan seramai 500 orang. Forum Eksekutif pada sebelah malam mengupas tajuk Melestarikan Ihsan Dalam Mendepani Kehidupan Berintegriti. Ahli panel terdiri daripada Naib Canselor UPM sendiri, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris; Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid dan Exco Siswazah Muda Majlis Belia Malaysia, Hasnul Haniff Harun.

Kemuncak sambutan adalah pelancaran Kempen *Do It Right* - INTEGRITI DI HATI yang menyasarkan tandatangan lebih 1,000 orang mahasiswa sebagai simbolik komitmen mereka dalam mencapai matlamat PIN dan visi INTEGRITI.

Dalam ucapan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, YBrs Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, usaha berterusan seperti ini perlu terus digarap untuk memupuk dan penghayatan budaya integriti terutamanya dalam golongan belia.

Berdasarkan hasil kajian INTEGRITI, yang dijalankan dalam kalangan mahasiswa tahun lalu, menurut YBrs Dr. Ahmad Fadzli, apa yang merisaukan adalah satu pertiga daripada responden menyatakan bahawa perbuatan penerimaan hadiah dalam bentuk wang, barangan atau perkhidmatan sebagai balasan atas perkhidmatan yang diberikan bukan satu kesalahan.

## PROGRAM KHAS

### *"MALAYSIANALITY" AND RESPONSIBILITY-* SYARAHAN KHAS OLEH DATUK SERI LIM CHONG KEAT

"Malaysianality" and Responsibility adalah merupakan topik syarahan yang diadakan pada 24 Januari yang lalu di Dewan Auditorium, Menara INTEGRITI.

"Ketahui diri sendiri dan hanya kemudian anda akan memahami akar anda" adalah pernyataan pertama pada permulaan syarahan Datuk Seri Lim Chong Keat yang merupakan seorang arkitek dan pereka bandar terkenal.

Program tersebut telah diadakan dengan tujuan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuannya yang luas mengenai asas-asas dalam mewujudkan keharmonian antara rakyat Malaysia dan nilai tanggungjawab.

Dilatih dalam akustik seni bina di Massachusetts Institute of Technology (MIT), Datuk Seri Lim menegaskan bahawa dalam merancang sesuatu, kita perlu memahami sepenuhnya konsep ciptaan kita dan itu adalah satu contoh nilai integriti. Beliau juga berkongsi mengenai kepentingan mendidik kanak-kanak tentang perpaduan dan integrasi kaum .

Sesi yang dihadiri oleh seramai lebih kurang 100 orang berlangsung hampir dua jam, berakhir dengan sesi soal jawab ringkas.

### ROADSHOW INTEGRITI PERINGKAT NEGERI PERLIS

Majlis Perasmian Penutup Roadshow INTEGRTI peringkat Negeri Perlis telah diadakan di Pusat Koreksional Negeri Perlis pada 30 Januari 2018.

DYTM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah menyampaikan titah menyarankan agar budaya integriti dijadikan benteng terakhir ummah bagi melahirkan masyarakat berintegriti tinggi, sekali gus mensejahterakan kita semua. Baginda bertitah punca permasalahan kepada semua isu atau masalah yang wujud pada hari ini adalah kerana sikap sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab, tidak amanah dan tidak berintegriti. Baginda menyatakan hasrat agar segenap masyarakat bersama-sama kembali berpegang kepada



Datuk Seri Lim bergambar kenangan bersama Datuk Dr. Anis Yusal dan para tetamu yang hadir.



DYTM Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merasmikan Roadshow INTEGRITI peringkat negeri Perlis

ajaran agama masing-masing untuk melahirkan masyarakat berintegriti dan mensejahterakan rakyat.

Program Roadshow INTEGRITI peringkat Negeri Perlis dianjurkan oleh INTEGRITI dengan kerjasama Pejabat Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan), Ahmad Zakaria dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KUIPs, Dr. Mohd Mizan Mohammad Aslam.

Sempena program Roadshow INTEGRITI, INTEGRITI dan KUIPs menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk membentuk kerjasama dalam bidang-bidang yang berkaitan usaha pemupukan agenda integriti.

## ROADSHOW INTEGRITI: INTEGRITI BANTU KERAJAAN NEGERI GUBAL PELAN INTEGRITI

Majlis perasmian program Roadshow INTEGRITI Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan di Bangunan SUK di Kota Bahru pada 5 Februari. INTEGRITI membantu kerajaan-kerajaan negeri dalam membangunkan pelan integriti negeri masing-masing, sekali gus mewujudkan mekanisme yang lebih efektif bagi memupuk budaya berintegriti tinggi.




Datuk Dr. Anis Yusal memberikan penerangan mengenai instrumen INTEGRITI kepada Dato' Adnan, Timbalan SUK Kelantan.

INTEGRITI juga akan membantu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan menggubal Pelan Integriti Organisasi Pejabat SUK, dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam merangka pelan integriti peringkat negeri.

INTEGRITI membantu Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengkoordinasi dan memantau agensi-agensi pelaksana dalam menjayakan pelaksanaan program dan aktiviti integriti di negeri masing-masing.

Roadshow INTEGRITI peringkat Kelantan diadakan dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Roadshow INTEGRITI merupakan salah satu mekanisme INTEGRITI untuk membantu kerajaan-kerajaan negeri menjayakan agenda pembudayaan, penghayatan dan pengukuhan integriti selaras dengan Pelan Integriti Nasional (PIN), di mana ia dapat memberi gambaran yang jelas dalam perencanaan program atau aktiviti integriti agar lebih tersusun, terarah dan sistematik serta meninggalkan kesan dan impak yang menyeluruh ke atas kumpulan sasaran.

Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Adnan berkata, susulan program Roadshow INTEGRITI kerajaan negeri akan membangunkan Pelan Integriti Negeri dan juga Pelan Integriti Pejabat SUK Kelantan bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan negeri mempunyai Pelan Integriti Organisasi masing-masing.




Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), YBhg Dato' Mohd Sallehhuddin Hassan merasmikan Program Bicara Pagi MOA



Pelancaran Sistem Aduan Integriti MOA (E-Sart) oleh YBhg. Dato' Mohd Salahuddin Hassan, Ketua Setiausaha MOA

Sebanyak 76 isu telah berjaya dihimpunkan hasil Roadshow INTEGRITI peringkat Kelantan. Isu-isu itu turut diiringi dengan idea penyelesaian.

**PROGRAM BICARA PAGI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI DAN INTEGRITI**

Program Bicara Pagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diadakan dengan kerjasama daripada INTEGRITI. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), YBhg Dato' Mohd Sallehhuddin Hassan yang mewakili YB Dato' Haji Salahuddin Ayub di Program Bicara Pagi MOA 2018 pada 27 September 2018.

Dalam program ini turut dilancarkan Sistem Aduan Integriti MOA (E-Sart) sebagai saluran buat warga kementerian dan orang ramai bagi menyampaikan maklumat atau aduan berkaitan perlakuan jenayah rasuah atau pelanggaran tatakelakuan warga perkhidmatan MOA.

YB Dato' Haji Salahuddin Ayub telah menyatakan menerusi E-Sart, setiap aduan akan diproses, diteliti dan dinilai sebelum tindakan selanjutnya diambil. Sekiranya aduan tersebut berunsur jenayah rasuah,maklumat tersebut akan disalurkan segera ke sistem teras operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tujuan siasatan selanjutnya.

Turut diadakan ialah Forum Integriti "Jernih Air di Muara" yang menampilkan YBhg Dato' Sri Ayob Yaakob, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia; YBhg Dato' Akhbar Satar, Presiden Transparency International Malaysia dan YBrs Ustaz Pahrol Mohamad Juoi, Pengarah Urusan Fitrah Perkasa Sdn Bhd sebagai panel pembincang.

Teori "Rationalisation" pula diperkenalkan oleh Dato' Akhbar Satar dimana menurut beliau peringkat staf sokongan kebanyakannya akan menggunakan teori ini bagi mewajarkan tindakan mereka sama ada dari sudut menerima rasuah atau sebagainya. Dalam erti kata lain, jika

mereka melihat perbuatan itu dilakukan oleh majikan mereka, maka tidak mustahil meraka akan menganggap ianya boleh dilakukan.

Simbolik NGO iaitu N-Need (Keinginan), G-Greed (Tamak) dan O-Opportunity (Peluang) menjadi penyebab utama berlakunya kegiatan rasuah.

Ternyata objektif anjuran program untuk meningkatkan kesedaran berhubung pembudayaan amalan integriti dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan, mencegah sebaran unsur-unsur jenayah rasuah dan penyelewengan serta menghebahkan kewujudan Sistem Aduan Integriti MOA (E-SART) tercapai.

**PROGRAM BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI ZON BORNEO**

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) menerusi Unit Integritinya telah mengadakan Program Bicara Intelektual Pemerkasaan Integriti Bil 1/2018 Zon Borneo pada 20 Mac 2018 di Labuan.

Program ini telah diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan INTEGRITI bagi meningkatkan kewibawaan penjawat awam dalam melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan.




Panel Bicara Intelektual ialah Ketua Rektor UiTM Sabah, Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Kadir Rosline; Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Sabah, PKPj Zulkefle Abd. Hamid dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Program ini diadakan untuk memupuk dan memelihara budaya integriti supaya kumpulan sasaran sentiasa berdedikasi dan komited kepada tanggungjawab dan tugas yang impaknya meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang cekap, bersih dan berdaya maju.

Penyertaan program ini tidak hanya melibatkan kakitangan JBPM, sebaliknya turut melibatkan penyertaan pelbagai jabatan kerajaan, badan berkanun dan NGO di Labuan. Program ini berjaya menarik kehadiran seramai 320 peserta dari 47 agensi.

Topik yang diketengahkan dikupas oleh Ketua Rektor UiTM Sabah, Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Kadir Rosline; Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Sabah, PKPj Zulkefle Abd. Hamid dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri.

Pelbagai soalan telah dilontarkan oleh hadirin terutama yang berkaitan dengan usaha kerajaan memartabatkan integriti di negara ini.

Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pengarah JBPM, Dato' Sri Wan Mohd Nor Ibrahim. Senator Datuk Bashir Alias menyampaikan ucapan penutup di mana beliau memuji usaha JBPM dalam memartabatkan budaya berintegriti tinggi kerana sememangnya pendekatan seumpama ini adalah selaras dengan tuntutan ajaran Islam yang amat menitik- beratkan aspek integriti dalam apa jua lapangan kehidupan, termasuklah soal pengurusan dan kepimpinan.



Kakitangan kerajaan negeri Kedah yang menghadiri Seminar Pengukuhan Nilai dan Amalan Integriti

## INTEGRITI DAN KERAJAAN NEGERI KEDAH JALIN KERJASAMA

INTEGRITI bertindak menyelaras Seminar Pengukuhan Nilai dan Amalan Integriti anjuran Kerajaan Negeri Kedah di Wisma Darul Aman, Alor Setar pada 24 Mei 2018 program yang julung kali diadakan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin yang mengetuai delegasi INTEGRITI berkata, keputusan Kerajaan Negeri Kedah memilih INTEGRITI untuk menyelaraskan program itu satu langkah yang membina bagi memperkukuh usaha pemupukan dan penghayatan budaya berintegriti.

Ini langkah permulaan yang baik di pihak Kerajaan Negeri Kedah yang baharu. INTEGRITI yakin usaha seperti ini akan melancarkan lagi pendekatan mencapai agenda melahirkan masyarakat Malaysia yang berintegriti tinggi.




Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir bersama-sama kakitangan kerajaan Negeri Kedah melafazkan Ikrar Integriti ketika Seminar Pengukuhan Nilai dan Amalan Integriti

INTEGRITI telah mengadakan perbincangan bersama Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir bagi memperkukuhkan usaha ke arah itu.

Dato' Seri Mukhriz telah menyampaikan ucaptama bertajuk "Nilai dan Amanah Integriti Dalam Tadbir Urus Kerajaan Negeri Darulaman Pasca Pilihan Raya Umum ke-14". Beliau menekankan bahawa pihak kerajaan kini sedang gigih membina dan membentuk perkhidmatan awam yang berintegriti, berprestasi tinggi dan berinovasi kerana rakyat Malaysia semakin peka, berpendidikan tinggi dan mempunyai harapan yang kian meningkat terhadap perkhidmatan awam.

Turut berlangsung Sesi Bicara Integriti yang bertemakan "Pengukuhan Integriti". Ia menampilkan mantan Ketua Audit Negara dan Pengerusi Bank Islam Malaysia Berhad, YBhg. Tan Sri Ambrin Buang; mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Pengerusi Agrobank, YBhg Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan mantan ahli Panel Penilaian Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pengerusi Cagamas Berhad, YBrs. Nik Hasyudeen Yusoff. Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid bertindak sebagai moderator.

Kakitangan Kerajaan Negeri Kedah yang hadir turut melafazkan Ikrar Integriti Negeri Kedah Darul Aman.

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN INTEGRITI KALI KE-14 UMUM DUA AHLI LEMBAGA PENGARAH YANG BAHARU**

Mesyuarat Agung Tahunan INTEGRITI kali ke-14 telah diadakan di INTEGRITI pada 25 Jun 2018. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara yang juga merangkap Pengerusi INTEGRITI.

Dalam mesyuarat ini telah diumumkan perlantikan dua Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI yang baharu iaitu Dato' Wira Dr. Ismail bin Haji Ibrahim bermula 6 Mac 2018 dan Dato' Sri Mohd Shukri Abdull, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang baharu,




Tan Sri Dr. Ali Hamsa selaku Pengerusi INTEGRITI bergambar kenangan bersama-sama Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli INTEGRITI sejurus tamat Mesyuarat Agung Tahunan INTEGRITI ke-14 bertempat di Auditorium INTEGRITI

sebagai Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI *ex-officio* berkuat kuasa 16 Mei 2018.

Dalam ucapan aluan oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, INTEGRITI menyambut baik kepimpinan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam melaksanakan dasar bagi memperkukuhkan tadbir urus baik dan memerangi rasuah secara menyeluruh.

Tan Sri Dr. Ali Hamsa juga berkata, sebagaimana yang telah direkodkan dalam Laporan Tahunan INTEGRITI 2017, INTEGRITI telah melaksanakan 180 program dalam bentuk advokasi, penerbitan, penyelidikan dan sebagainya. Antara program berimpak tinggi yang telah dilaksanakan adalah Roadshow Integriti, Konvensyen Integriti Nasional dan Asean Integrity Dialogue.

Tambah beliau lagi, instrumen yang telah dibangunkan oleh INTEGRITI seperti Profil Integriti Malaysia (MIP), Instrumen Penilaian Integriti (IAT) dan Pelan Integriti Organisasi (PIO) menerima sambutan yang memberangsangkan daripada pelbagai pihak.

Ini menunjukkan kesungguhan organisasi dalam memantapkan pembudayaan integriti dan kesediaan untuk memperkukuhkan amalan berintegriti dalam organisasi masing-masing supaya integriti menjadi teras utama dalam pentadbiran sesebuah organisasi.

Dalam mesyuarat ini juga, Tan Sri Dr. Ali Hamsa juga turut memaklumkan kepada ahli mesyuarat yang hadir, bagi memperkukuhkan pembudayaan integriti. INTEGRITI akan distruktur semula dan digabungkan bersama Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Biro Pengaduan Awam (BPA) di bawah pentadbiran Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.



Tan Sri Dr. Ali Hamsa mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan INTEGRITI kali ke-14.

**SEMINAR ANTI-CORRUPTION CHAMPIONS: SHARING SESSION WITH WINNERS OF THE SHEIKH TAMIM BIN HAMAD AL THANI INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION EXCELLENCE AWARD 2018**

Seminar Anti-Corruption Champions: Sharing Session with Winners of the Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2018 telah diadakan di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 10 Disember yang lalu.

Seminar ini adalah anjuran bersama INTEGRITI, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Rule of Law & Anti-Corruption Center (ROLACC) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia menandatangani *plaque* sempena seminar yang diadakan di Auditorium INTEGRITI



Sesi soal jawab oleh para peserta Seminar Anti-Corruption Champions: Sharing Session with Winners of the Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2018



YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia melancarkan Garis Panduan Tatacara Mencukupi sempena penganjuran Seminar Anti-Corruption Champions: Sharing Session with Winners of the Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2018



Sesi perkongsian oleh Mr. Nuhu Ribadu peserta dari Nigeria

Seminar ini memberi peluang kepada para penerima anugerah itu untuk membincangkan dan berkongsi pengetahuan mereka dalam mempromosikan integriti dan memerangi rasuah.

Pemberian anugerah Kecemerlangan Antirasuah Antarabangsa Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani telah dilaksanakan pada tahun 2016 oleh ROLACC untuk menyokong the United Nations Office of Drugs and Crime (UNODC) dan mandat antirasuahnya. Keempat-empat kategori utama ialah: Pencapaian Sepanjang Hayat / Cemerlang, Kreativiti dan Penglibatan Remaja, Penyelidikan Akademik dan Pendidikan, dan Inovasi.

Seminar yang diadakan dari pukul 8 pagi hingga 5 petang itu kemudian beralih kepada Pelancaran Garis Panduan Tatacara Mencukupi oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ketibaannya diiringi oleh Dr. Ali bin Fetais Al Marri, Peguam Negara Qatar.

Seminar itu dihadiri oleh 450 peserta dari agensi kerajaan termasuk menteri, wakil daripada agensi antirasuah, NGO tempatan, wakil daripada sektor swasta dan kakitangan awam dan wakil-wakil dari kedutaan.



YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ketika menyampaikan ucaptama sempena program


Warga INTEGRITI bergambar kenangan bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad sempena penganjuran Seminar Anti-Corruption Champions: Sharing Session with Winners of the Sheikh Tamim Bin Hamad Al Thani nternational Anti-Corruption Excellence Award 2018 bertempat di Auditorium INTEGRITI

# PUSAT KOORDINASI & PEMANTAUAN DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pusat Koordinasi dan Pemantauan, dan Khidmat Pengurusan memainkan peranan penting dalam membantu pemantauan, penyelarasan dan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) serta bertindak sebagai penyelaras kepada perancangan korporat bagi tujuan pemantauan dan penilaian semua program dan aktiviti dalaman organisasi.

## PROGRAM PERANCANGAN KORPORAT

### Latihan Pembangunan Kompetensi Fasilitator

Latihan Pembangunan Kompetensi Fasilitator (Developing Group Facilitation Competencies Training) telah diadakan pada 7 dan 8 Februari 2018 di Bilik Etika, Menara INTEGRITI bagi melatih pegawai-pegawai INTEGRITI agar menjadi fasilitator yang mahir dan efisien dalam mengendalikan proses runding cara. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan tahap keyakinan dalam membantu pelbagai agensi dan organisasi membangunkan Pelan Integriti Organisasi di samping memberi khidmat nasihat produk dan servis INTEGRITI.

### Program Etika & Integriti (E&I)

Pada tahun 2018, INTEGRITI telah memperkenalkan program Etika & Integriti (Ethics & Integrity Programme) yang memfokuskan kepada nilai-nilai etika dan integriti di peringkat individu dan organisasi. Program ini menyasarkan kepada para peserta dalam kalangan pegawai atasan serta pengurusan kanan di sektor awam dan swasta.



Para peserta melibatkan diri dalam aktiviti E & I

| Bil. | Agensi/Organisasi | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) | Siri 1: 12 – 13 Februari 2018 Siri 2: 16 – 17 Oktober 2018 |
| 2 | Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) | 27 – 28 Ogos 2018 |
| 3 | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KPDNHEP WPKL) | 9 – 10 Oktober 2018 |
| 4 | Perbadanan Nasional Berhad (PNS) | 24 Oktober 2018 |

**Bengkel Hala Tuju Baharu INTEGRITI**

Mulai 30 Ogos hingga 5 September 2018, INTEGRITI telah mengadakan bengkel dalaman bagi merangka kertas cadangan hala tuju baharu organisasi selaras dengan pengumuman Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed mengenai penstrukturan semula fungsi dan peranan INTEGRITI. Input daripada bengkel tersebut turut mengambil kira cadangan dan pandangan daripada seluruh warga INTEGRITI. Kertas cadangan berkenaan diserahkan kepada GIACC pada 5 September 2018 untuk diangkat dalam mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

**Taklimat MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS)**

Bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman berkaitan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) dalam kalangan warga INTEGRITI, satu taklimat berkaitan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) telah diadakan pada 4 Oktober 2018 di Dewan Murni, Menara INTEGRITI. Taklimat berkenaan disampaikan oleh pihak Sirim STS Sdn Bhd.



En. Azhar Dollah dari SIRIM STS Sdn Bhd menyampaikan taklimat ABMS.



Pegawai INTEGRITI turut menyumbangkan idea dalam Bengkel Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

**Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)**

Taklimat Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah diadakan pada 12 Oktober 2018 di Dewan Murni, Menara INTEGRITI. Objektif utama taklimat ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan warga INTEGRITI mengenai sistem proses kawalan dalaman pengurusan dan pentadbiran yang diharapkan dapat membantu organisasi mengenal pasti risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

**Walk The Talk! "Managing & Leading With Integrity"**

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan kerjasama INTEGRITI telah menganjurkan program Team Building Walk The Talk! – Managing & Leading With Integrity di Felda Residence Hot Spring, Sg. Klah, Perak. Program yang diadakan selama tiga hari mulai 9 November 2018 ini disertai oleh 21 pegawai di peringkat pengurusan tertinggi dan 24 Ahli Majlis MPSJ. Turut hadir adalah Yang Dipertua MPSJ, YDH. TPr. Hajah Noraini Haji Roslan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman para peserta berkaitan kepentingan integriti dalam kepimpinan selain merapatkan ukhuwah berpasukan untuk diaplikasikan dalam tugas harian.



Yang Dipertua MPSJ, YDH. TPr. Hajah Noraini Haji Roslan bergambar kenangan bersama 21 pegawai dan 24 Ahli Majlis.

**Ukhuwah Integriti Di Hati 2018**

Penganjuran program Ukhuwah INTEGRITI di Hati pada 16 November 2018 merupakan satu platform menanam dan menyemarakkan budaya kerja berpasukan di samping apresiasi kepada warga INTEGRITI. Selain memberi penghargaan kepada dua warganya sempena 10 tahun tempoh perkhidmatan, program ini turut bertujuan untuk menggalakkan pembudayaan persekitaran dan gaya kerja yang sihat dalam organisasi. Menerusi program ini juga, produktiviti dan kualiti kerja dapat ditingkatkan seiring dengan peningkatan ilmu dan kemahiran pengurusan taktikal serta sosial.



Warga INTEGRITI menyertai senaman pagi zumba sempena Program Ukhuwah Integriti di Hati 2018

**Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Kementerian Pengangkutan Malaysia**

INTEGRITI telah melaksanakan bengkel Pengurusan Risiko Rasuah bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 21 hingga 23 November 2018 di Dewan Murni, Menara INTEGRITI. Bengkel tersebut turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha MOT, Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim dan Timbalan Ketua Setiausaha MOT (Pengurusan), Dato' Jana Santhiran Muniayan.



Ketua Setiausaha MOT, Datuk Seri Haji Saripuddin Haji Kasim menyampaikan kata aluan kepada para peserta bengkel.

**Projek Rintis Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) di Peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Tempatan**

Dalam usaha ke arah memperkasakan tadbir urus yang baik, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah berkolaborasi dengan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) untuk mengadakan projek rintis pelaksanaan pensijilan MS ISO 37001: 2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Usaha sama yang bermula pada Oktober 2018 ini akan direalisasikan dengan kerjasama INTEGRITI sebagai agensi pelaksana projek yang telah dilantik oleh GIACC. Matlamat utama projek ini adalah untuk menyediakan dapatan dan cadangan kepada GIACC berkaitan pelaksanaan pensijilan ABMS di setiap kementerian, agensi dan jabatan kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berisiko tinggi terhadap rasuah, sekali gus menggalakkan kepada budaya kerja yang berintegriti tinggi.

Projek ini melibatkan tiga kementerian, tiga kerajaan negeri dan tiga pihak berkuasa tempatan iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).



Puan Nor'afiza Saim selaku Ketua Projek mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Projek Rintis Pelaksanaan Pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) di Peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan

## KHIDMAT PENGURUSAN

### UNIT PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN FASILITI

Pada Januari 2018, Unit Pentadbiran telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf kemudahan bilik penginapan bagi keselesaan kakitangan INTEGRITI serta pengunjung yang menginap di INTEGRITI.

**Puri INTEGRITI**

Sepanjang tahun 2018, seramai 695 orang pengunjung yang terdiri daripada Badan Kerajaan, Swasta, NGO serta Persendirian dengan jumlah sebanyak 649 unit bilik terjual.

Bagi bilik penginapan Sektor Swasta merupakan pelanggan terbesar iaitu sebanyak 44% bagi tahun 2018 dan diikuti oleh Sektor Kerajaan sebanyak 39% pada tahun yang sama.

**Auditorium, Dewan Murni dan Bilik Seminar**

Pada tahun 2018 sebanyak 67 penyewa yang telah menyewa Auditorium, Dewan Murni dan bilik seminar di INTEGRITI bagi mengadakan mesyuarat, seminar serta majlis perkahwinan.

Sebanyak 73% penyewa persendirian yang menyewa kemudahan dewan serta bilik seminar di INTEGRITI dan diikuti sektor swasta sebanyak 18%.

Selain daripada itu, Unit Pentadbiran dan Pengurusan Fasiliti juga bertanggungjawab bagi menjaga kemudahan-kemudahan lain di Menara INTEGRITI bagi menjamin keselesaan kepada kakitangan INTEGRITI serta pengunjung.

### UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

**Laman Web INTEGRITI**

Laman Web INTEGRITI sentiasa dikemas kini dan penambahbaikan berkenaan menu utama juga telah memberikan impak positif. Bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2018 Laman Web INTEGRITI telah mendapat kunjungan *hit* sebanyak 2,061,828.

**Pembangunan Laman Web Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)**

INTEGRITI telah mengambil inisiatif untuk membangunkan laman web GIACC iaitu www.giacc.jpm.gov.my. Pembangunan laman web ini dapat menyebarluaskan maklumat berkaitan inisiatif tadbir urus, integriti dan antirasuah di Malaysia.

**Pembekalan 12 Unit Tablet untuk kegunaan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah INTEGRTI**

Keperluan untuk penyediaan minit mesyuarat dalam bentuk *softcopy* dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah merupakan justifikasi perolehan di bawah Peruntukan Belanja Mengurus Unit ICT yang mana sebelum ini minit mesyarat diedarkan secara manual iaitu pengedaran minit dalam bentuk fail berkulit keras.

**Pembangunan Learning Management System (LMS) untuk Modul Integriti Perkhidmatan Awam.**

Pembangunan LMS ini adalah hasil kerjasama dengan Insititut Tadbiran Awam (INTAN) yang mana perkhidmatan *hosting* dan infrastuktur akan ditanggung oleh INTAN manakala kos pembangunan *online* modul ini pula di tanggung oleh pihak INTEGRITI.

**Pensijilan Teknikal ICT untuk Instrumen Human Governance Profile (HGP)**

Pihak INTEGRITI menghantar satu pasukan teknikal bagi mendapatkan pensijilan teknikal ICT dalam menguruskan instrumen Psikometrik secara atas talian daripada pihak pembekal iaitu dari syarikat Global Psytech Sdn. Bhd.

**UNIT SUMBER MANUSIA**

Pada tahun 2018, INTEGRITI telah menyampaikan Anugerah 10 tahun perkhidmatan kepada warganya iaitu Encik Abdul Rahim Bin Ahmad Damanhuri dan Encik Muhammad Azlan Bin Mohamed Lazim

**Latihan**

Pelbagai program latihan merangkumi bidang kemahiran serta kompetensi telah dilaksanakan untuk warga INTEGRITI sepanjang tahun 2018. Pelaksanaan kesemua program ini adalah untuk membangunkan modal insan yang kompeten, bermotivasi dan peka kepada perubahan persekitaran. Selain daripada kursus yang dibuat secara *in-house* warga INTEGRITI juga berpeluang untuk menyertai kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak luar. Berikut adalah program-program yang telah dilaksanakan :

| Bil. | Kursus | Anjuran | Tempat | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Sains Sukan Tahap-1/2018 | Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) dan Majlis Sukan Negeri Perak (MSNPk) | Dewan Serbaguna SUK Perak | 26.02-02.03.2018 |
| 2 | Persidangan Meja Bulat Belia-Cabaran Agenda Sosial (Kesihatan Mental & Generasi Muda) | IYRES | Dewan Podium, Menara KBS | 27.02.2018 |
| 3 | *Introduction to Rasch Analysis* | Persatuan Psikometrik Malaysia | Presint 8, Putrajaya | 01.03.2018 |
| 4 | Klinik Tuntutan Geran Latihan dan Pembayaran Levi & Faedah HRDF | HRDF | Wisma HRDF | 27.03.2018 |
| 5 | *Effective English Speaking & Email Writing at Work* | Institute of Professional Advancement | Hotel Vistana | 4-5.04.2018 |
| 6 | ILKAP Speaker Series(ISS) Bil.1/2018 | ILKAP | ILKAP | 05.04.2018 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 7 | Bengkel Penstrukturan Bil 1/2018- Modul Latihan Kepimpinan Integriti | INTEGRITI & UKM | Bilik Etika, Menara INTEGRITI | 10-11.04.2018 |
| 8 | *Effective Data Mining and Charting* | INTAN | INTAN, Bukit Kiara | 17-18.04.2018 |
| 9 | Wacana Intelektual Islam dan Insan dalam Era Revolusi Industri Keempat | Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi | Dewan Besar IKIM | 24.04.2018 |
| 10 | *INTAN Leadership Talk Series (ILEAD TALK) 1/2018: Women in Leadership* | INTAN | INTAN, Bukit Kiara | 26.04.2018 |
| 11 | *Seminar The Analytics Organisation: Challenges and Direction* | HELP University | Shangri-La Hotel | 28.04.2018 |
| 12 | *Analyzing Data with Power BI* | Iverson Associates Sdn Bhd | Iverson Associates Sdn Bhd | 14-16.05.2018 |
| 13 | *AIF Business Ethics Conference 2018* | Pico International (M) Sdn Bhd | Sasana Kijang | 23.05.2018 |
| 14 | *Mastering Innovation Through Design Thinking* | INTAN | INTAN, Jalan ELMU | 04-05.07.2018 |
| 15 | *Emotional, Spiritual Intelligence-Asas Siri 1/2018* | INTAN | INTAN, Bukit Kiara | 24-26.07.2018 |
| 16 | *International Conference on Leadership & Management (ICLM) 2018* | Universiti Teknologi Petronas | KLCC | 13-14.08.2018 |
| 17 | *Asean Responsible Business Forum* | ASEAN CSR Network | Singapura | 27-28.08.2018 |
| 18 | Pengurusan Psikologi bagi Pengurus Sumber Manusia Siri 1/2018 | INTAN | INTAN Bukit Kiara | 25-27.09.2018 |
| 19 | *Symposium and Master Class on Information Governance & Risk management (IGRM) in the Digital Age* | Accounting Research Institute (ARI) | Institut Integriti Malaysia | 2-3.10.2018 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 20 | *MIA Conference 2018-Riding the Digital Wave, Leading Transformation* | Institute of Accountants | KLCC | 9-10.10.2018 |
| 21 | *Gearing Up for Corporate Liability* | MACC | PICC | 10.10.2018 |
| 22 | *International Conference on Language, Culture & Society 2018* | ISTAC & IIUM | ISTAC | 24-25.10.2018 |
| 23 | *Seminar on MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System* | Standards Malaysia & CIDB | Hotel Concorde, Shah Alam | 29.10.2018 |
| 24 | *Masterclass in Public Policy Siri 2/2018* | INTAN | INTAN Bukit Kiara | 29.10-02.11.2018 |
| 25 | *Anti-Corruption Summit-Good Governance and Integrity for Sustainable Business Growth* | Aram Global Sdn Bhd | Hotel Istana | 30.10.2018 |
| 26 | *Introduction to Futures Thinking and Scenario Planning (FTSP)-EPSA* | INTAN | INTAN | 04.11.2018 |
| 27 | *Certification Programme for NGI Site Administrator* | Global Psytech | Global Psytech, Cyberjaya | 23.11.2018 |
| 28 | *Training Programme for NGI Proctor* | Global Psytech | Global Psytech, Cyberjaya | 29.11.2018 |

# PUSAT PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM

Pusat Pembangunan dan Pelaksanaan Program bertanggungjawab menggerakkan semua lapisan serta sektor masyarakat ke arah mencapai lima Tekad Integriti. Seperti yang digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN), strategi pelan tindakan PIN digerakkan oleh 10 portfolio iaitu Institusi Politik, Institusi Ekonomi, Institusi Keluarga, Institusi Pentadbiran, Agensi Penguatkuasaan, Institusi Agama, Warisan dan Budaya, Kanak-kanak,Pelajar dan Belia, Masyarakat Sivil dan Komuniti serta Sukan dan Rekreasi.

## INSTITUSI POLITIK

**Temu bual Ringkas Politik: Apa Kata Orang Kita?**

Bersempena dengan Pilihanraya Umum ke-14 yang telah berlangsung pada 9hb Mei yang lalu, INTEGRITI TV telah membuat rakaman temu bual ringkas bersama masyarakat Malaysia bagi mengenali sejauh mana tahap kefahaman mereka mengenai sistem politik di Malaysia.

Di antara soalan yang diutarakan ialah soalan-soalan dasar mengenai sistem politik berperlembagaan di negara kita, ketua kerajaan Malaysia, fungsi Parlimen Malaysia, fungsi wakil rakyat dan juga fungsi SPR.

Selain itu, soalan berkaitan cadangan untuk membaik pulih sistem politik di Malaysia turut diajukan kepada individu yang di temu bual.

Klip video ringkas berdurasi lapan minit ini walaupun pendek namun padat dengan pengisian terutama bagi mereka yang telah melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi pada PRU14 yang lalu.

**Sembang Integriti Politik: Integriti Politik Orang Muda : Media Sosial Jadi Senjata**

INTEGRITI dengan kerjasama MySuara TV telah mengadakan rakaman Program Sembang Integriti Politik yang bertemakan Integriti Politik Orang Muda: Media Sosial Jadi Senjata di Loging Cafe, Wakaf Bharu, Kelantan pada 5 Februari lalu bagi menggalakkan diskusi sihat dan memberikan lebih penerangan berkaitan integriti politik.

Program yang berlangsung selama dua jam ini menampilkan tiga ahli panel iaitu Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Dato' Che Abdullah Mat Nawi; Pensyarah Politik dan Pentadbiran Universiti Malaysia Terengganu, Dr. Rosyidah Muhamad dan Pengerusi MAYC Kelantan dan Tokoh Belia Kelantan 2017, Ir. Meor Shamshir Meor Zulkifli dan moderator daripada pihak MySuara iaitu Zahira Radzi.



Rakaman temu bual ringkas politik oleh INTEGRITI.TV



Rakaman Sembang Integriti Politik : Integriti Politik Orang Muda, Media Sosial jadi Senjata.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menyediakan platform bagi membincangkan isu-isu berkaitan integriti politik khususnya berkaitan sistem politik Malaysia dan membetulkan persepsi masyarakat terhadap peranan dan fungsi ahli-ahli politik dan institusi yang terlibat dalam sistem politik Malaysia.

**Akta Pembiayaan Politik: Taklimat INTEGRITI kepada IRC**

Pada 31 Mei 2018, INTEGRITI telah memberi input kepada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC) berkaitan dengan cadangan penggubalan Akta Pembiayaan Politik (PDEA) yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP), di mana INTEGRITI merupakan Pusat Rujukan dan Sekretariat kepada Jawatankuasa itu.

INTEGRITI yang diwakili oleh Amerul Muner Mohammad, Ketua Sekretariat kepada JKNMPP telah memberi penerangan mengenai perkara-perkara yang terkandung dalam Laporan JKNMPP.

Laporan tersebut telah dikemukakan kepada kerajaan pada akhir 2016. Laporan yang mengandungi 32 cadangan telah dikemukakan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri akhir tahun 2017.

**Syarahan Khas Pilihan Raya dan Demokrasi Menjelang PRU14**

INTEGRITI telah menjemput mantan Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Dato' Seri Wan Ahmad Wan Omar untuk berkongsi ilmu mengenai sistem pilihan raya di Malaysia.

Sepanjang sesi syarahan khas selama dua jam, beliau telah memberikan gambaran yang luas mengenai pengurusan pilihan raya, undang-undang dan proses-proses yang terlibat di Malaysia. Selaku badan yang diberikan amanah dan tanggungjawab untuk mencapai agenda integriti negara sebagaimana digariskan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN), syarahan ini membolehkan warga INTEGRITI dibekalkan dengan maklumat terbaharu yang diperlukan dalam melaksanakan usaha pemupukan dan penghayatan budaya berintegriti.

Sesi ini diadakan khusus untuk warga kerja INTEGRITI. Ia berlangsung di Menara INTEGRITI, Kuala Lumpur pada 3 April. Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin.



Sesi penerangan Laporan JKNMPP kepada Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (IRC)



Warga INTEGRITI bergambar kenangan bersama Dato' Seri Wan Ahmad Wan Omar.

## INSTITUSI EKONOMI

**Program Peniaga Berintegriti di Seberang Prai Dan Kuching**

INTEGRITI terus menerima sokongan daripada pelbagai pihak dalam menjayakan usaha melahirkan peniaga-peniaga berintegriti. Dua program Peniaga Berintegriti telah diadakan pada bulan April iaitu di Majlis Bandaraya Kuching Utara (MBKU) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP).

Program ini menyasarkan para peniaga menerapkan nilai-nilai etika perniagaan serta tadbir urus yang lebih telus bagi meyakinkan para pelanggan, sekali gus meningkatkan tahap kepercayaan mereka.

Usaha ini diambil untuk memberi pemahaman dan kesedaran kepada para peserta tentang pentingnya pengamalan etika perniagaan dan tadbir urus yang baik dalam urusan perniagaan. Selain itu ia bertujuan memperkukuhkan pembudayaan nilai-nilai murni dalam memantapkan peranan dan tanggungjawab para peniaga dalam institusi ekonomi dan mendapatkan perkongsian mengenai amalan terbaik bagi tujuan meningkatkan integriti dan etika perniagaan para peniaga.

Seramai 220 peniaga kecil yang beroperasi di kawasan DBKU mengikuti Sesi Bual Bicara, yang turut dijayakan oleh Ketua Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Komuniti, Rudzimier Malek, Ketua Bahagian Audit Dalaman DBKU, dan Samsury Sahari selaku moderator program.

**Program "Saya Peniaga Berintegriti" anjuran bersama INTEGRITI dan Majlis Bandaraya Johor Bahru**

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan Program Integriti bersama Peniaga "Saya Peniaga Berintegriti" di Hotel Berjaya Waterfront Johor Bahru pada 15 Januari 2018.

Program ini diadakan bagi memberi pemahaman dan kesedaran kepada para peniaga tentang kepentingan etika perniagaan dan tadbir urus yang baik dalam urusan perniagaan.



Sesi Bual Bicara Program Peniaga Berintegriti di Seberang Prai


Datuk Dr. Anis Yusal bersama-sama ahli panel dan peserta bergambar kenangan selepas tamat program.



Para peserta menunjukkan pelekat “Saya Peniaga Berintegriti” menyatakan kesungguhan menangani masalah integriti dalam kalangan penjaja

Program berbentuk dialog dan bual bicara ini menampilkan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Integriti, YBhg. Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, YBhg. Amran A. Rahman. Sesi dikendalikan oleh DJ Dave dari Radio Johor fm.

Lebih 300 peserta yang terdiri daripada pelbagai pihak, termasuk peniaga pasar kampung melayu, pasar borong pandan, peniaga gerai makan dan jualan serta peniaga pasar malam dan pasar tani, mengambil bahagian dalam program hari ini.

**Pelancaran Pelan Integriti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (PISSM)**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah pun membangunkan Pelan Integriti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (PISSM) pada awal tahun 2018 dengan bimbingan dan kerjasama INTEGRITI. Beberapa siri perbincangan dan sesi bengkel telah pun diadakan untuk mendapatkan maklumat and input-input yang relevan sebelum PISSM ini berjaya dihasilkan.



Encik Ismail Abd Jalil, Pengarah Kluster Ekonomi INTEGRITI menyampaikan ucapan sempena Pelancaran Pelan Integriti SSM

PISSM telah dilancarkan oleh Encik Rosli Hj Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM di ibu pejabat SSM, KL Sentral, Kuala Lumpur pada 5 Februari 2018. Beliau memaklumkan di dalam ucapan beliau bahawa SSM ingin memastikan agar integriti setiap warga kerja SSM berada di tahap yang membanggakan dan beliau percaya PISSM akan dapat membantu menjadikan impian ini satu realiti. Ini adalah kerana pelan tindakan yang dirancang untuk memperkukuhkan integriti akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sistematik berpandukan kepada PISSM yang dihasilkan.

## INSTITUSI KELUARGA

**Kerjasama Penganjuran Program Family INTEGRITI Walk bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)**

INTEGRITI dengan kerjasama Bahagian Integriti, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menganjurkan Program Family INTEGRITI Walk di kawasan Shah Alam pada 2 September yang lalu.

Selain daripada usaha untuk memupuk nilai-nilai murni dalam keluarga, objektif utama lain bagi penganjuran program ini adalah untuk memperkasakan hubungan kekeluargaan yang mungkin renggang akibat tuntutan tanggungjawab sehari-harian.

INTEGRITI percaya bahawa, program bersifat santai ini mampu menjadi medium terbaik untuk menyampaikan mesej integriti kepada ibu bapa seterusnya anak-anak. Antara aktiviti pengisian yang telah dirancang adalah aktiviti berjalan bersama keluarga, pertandingan keluarga bahagia, sesi *story telling* bersama anak-anak, aktiviti *games* bersama keluarga, pengagihan belon INTEGRITI kepada kanak-kanak dan lain-lain lagi.

## KANAK-KANAK, PELAJAR DAN BELIA

**Seminar Kebangsaan "Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan**

INTEGRITI dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan di Menara INTEGRITI pada 11 Oktober 2018.

Objektif utama seminar ini adalah bagi mendapatkan pandangan pakar berhubung isu ketirisan integriti yang semakin berleluasa, di samping menerokai agenda pembudayaan, pemupukan dan penghayatan integriti dalam pendidikan.

Sempena Seminar Kebangsaan ini, Forum Integriti yang bertemakan "Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan" turut diadakan. Ia menampilkan gandingan ahli panel YBhg. Prof Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI; YBhg Prof. Emeritus Dato' Paduka




Peserta berbasikal dilepaskan ketika Program Family INTEGRITI Walk

Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan YBrs Dr. Wendy Yee Mei Tien dari Universiti Malaya.

Kemuncak Seminar ialah penyerahan resolusi dan ucaptama oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan diwakili oleh Timbalannya, YB Teo Nie Ching.

Seminar itu turut menekankan mengenai kepentingan guru atau tenaga pengajar serta kakitangan akademik untuk mengamalkan budaya berintegriti dalam tugasan yang dilakukan dan mengikuti kod etika perguruan.

Melalui kod etika perguruan, para guru dapat menjaga tingkah laku sebagai seorang guru, dan memahami dengan jelas etika seorang guru iaitu tanggungjawab mereka terhadap para pelajar, ibu bapa, rakan sejawat, masyarakat dan negara.

INTEGRITI dan Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun menjalin kerjasama bagi membangunkan Modul Integriti Prasekolah (MIPs).

Seramai 300 peserta yang terdiri daripada pelajar dan guru serta pensyarah terlibat sama dalam sidang selari yang turut diadakan. Sidang selari ini mengupas topik Kepimpinan dan Tadbir Urus, Pengajaran, Pembelajaran dan Penyeliaan dan Profesionalisme Pendidikan.



YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan bergambar bersama 300 peserta yang hadir ke Seminar Kebangsaan "Pemupukan Integriti Dalam Pendidikan".



Encik Harisham Ibrahim, Penyelaras Institusi Agensi Penguatkuasaan bertindak sebagai moderator program.



YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi melancarkan buku Nilai Integriti Dalam Pelbagai Agama – Pengikat Persefahaman dan Modul Integriti Prasekolah (MIPs).

## AGENSI PENGUATKUASAAN

**Integriti Dalam Pengurusan Sempadan Negara**

INTEGRITI menganjurkan dialog khas yang mengupas tema "Integriti Dalam Pengurusan Sempadan Negara" di Menara INTEGRITI pada 3 Ogos 2018.

Dialog tersebut telah menampilkan Pegawai Undang-Undang Persekutuan Agensi Kawalan Negara (AKSEM), Zuraida Zakaria; Pengarah Bahagian Operasi, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, YBhg Dato' Muhammad Bukhari Ab. Hamid dan Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, YBhg. Dato' Sri Wira Ayub Yaakob sebagai ahli panel program.

Program ini disertai 60 pegawai dari pelbagai agensi penguatkuasaan. Antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Agensi Kawalan Negara (AKSEM), Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

## INSTITUSI AGAMA

**Program Diskusi Intelektual bertemakan Membina Negara Bangsa Berintegriti Dari Perspektif Institusi Pelbagai Agama dan Pendidikan**

INTEGRITI menganjurkan program Diskusi Intelektual bertemakan "Membina Negara Bangsa Berintegriti Dari Perspektif Institusi Pelbagai Agama dan Pendidikan" di Menara INTEGRITI pada 16 Januari bagi meningkatkan peranan institusi-institusi agama dan pendidikan dalam memperkukuh persefahaman dan perpaduan antara kaum ke arah pembinaan sebuah negara bangsa berintegriti tinggi.

YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi telah hadir bagi menyampaikan ucaptama dan turut melancarkan buku terbitan INTEGRITI berjudul Nilai Integriti Dalam Pelbagai Agama – Pengikat Persefahaman dan Modul Integriti Prasekolah (MIPs).

Selain itu, beliau turut merasmikan Pusat Data INTEGRITI dan Makmal Profil Integriti Malaysia (MIP). MIP merupakan salah satu instrumen yang dibangunkan bagi meningkatkan

usaha pemupukan dan penghayatan budaya berintegriti. Pusat Data INTEGRITI pula merupakan satu sistem berinformatif dan interaktif yang memaparkan data, trend dan isu-isu integriti di negara ini.

Diskusi Intelektual yang berlangsung di Menara INTEGRITI juga menampilkan YBhg Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia; YBrs. Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam, Univeristi Malaya dan YBrs. Dr. Wendy Yee Mei Tien, Pensyarah Kanan Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra), Universiti Malaya. Sesi ini juga menampilkan Nazri Kahar, Penerbit Eksekutif sebagai ahli panel ASTRO Awani yang bertindak sebagai moderator.

**Program Forum Perdana Ehwal Islam Sempena Hari Pekerja 2018**

INTEGRITI dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan Bank Muamalat telah menganjurkan Program Forum Perdana Ehwal Islam pada 26 April. Program ini diadakan di Dewan Arena YAM Tengku Muda, Maran, Pahang. Ia juga diadakan bersempena dengan ulang tahun penubuhan INTEGRITI dan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) yang disambut pada 23 April setiap tahun.

Dua sesi forum telah diadakan iaitu forum pertama bertajuk “Hati Burung”, yang turut disiarkan secara langsung menerusi TV1. Ia dikendalikan oleh Ustaz Zakaria Othman manakala ahli panel terdiri daripada Dato’ Mohd Kazim Elias (Pendakwah Bebas) dan Ustazah Isfadiah Mohd Dasuki (Pakar Motivasi). Forum bertajuk “Hati Burung” itu menerangkan tentang peranan seorang pekerja yang harus mempunyai jiwa dan semangat yang kental untuk bekerja mencari rezeki dengan bersungguh-sungguh.

Sesi forum kedua pula mengupas tajuk “Secupak Jadi Segantang”. Sesi ini diadakan secara rakaman dan disiarkan menerusi TV1 pada minggu ketiga bulan Ramadan. Forum ini juga dikendalikan oleh Ustaz Zakaria manakala ahli panel terlibat terdiri daripada Dato’ Mohd. Kazim Elias dan Dato’ Dr. Mohd. Izhar Arif Mohd. Kashim.

Program Forum Perdana Ehwal Islam ini turut diserikan dengan kehadiran Dato’ Sri Dr. Ismail Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Sekitar 2,000 orang yang terdiri daripada penjawat awam, wakil agensi-agensi swasta dan penduduk sekitar Daerah Maran hadir menyaksikan forum ini.



YBhg Dato’ Sri Dr. Ismail Abd Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia turut hadir ke Program Forum Perdana Ehwal Islam sempena Hari Pekerja 2018.

**Hikmah Integriti Di Sebalik Melihat Anak Bulan**

Lazimnya ramai dalam kalangan rakyat Malaysia yang kurang mengambil kisah berkenaan dengan anak bulan sehinggalah tibanya Ramadan mahupun Syawal, di mana keputusan melihat anak bulan bagaikan sesuatu yang ditunggu-tunggu. Malah ada juga hanya mengharapkan pengumuman mengenai penentuan tarikh bagi kedua-dua bulan penting dalam kalendar Islam.

Ramai juga yang kurang mengetahui perihal ilmu atau hikmah tersembunyi di sebalik aktiviti cerapan *hilal* ataupun dikenali juga sebagai *"rukhyatul hilal"* ini. Selain perkaitan yang sangat rapat dengan ilmu astronomi, proses cerapan anak bulan tidak hanya terhad kepada penentuan tarikh bagi ibadah puasa, penentuan 1 Syawal dan juga haji sahaja tetapi hikmahnya merentasi segala aspek.

Melihat dari sudut integriti dan nilai, terdapat banyak sekali hikmah yang boleh kita hayati dari proses ini. Pertama sekali kita dapat melihat elemen integriti yang paling penting iaitu masa. Proses mencerap anak bulan sangat memerlukan kepada ketepatan masa. Keterbatasan masa menjadikan proses ini memerlukan ahli falak serta ahli agama sentiasa bersedia tepat pada masanya.

Seperti yang disuarakan oleh Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan "dalam kehidupan kita, masa adalah amat-amat penting, yang perlu kita pelihara, justeru tepatilah masa nescaya kamu berjaya, insya-Allah".

**WARISAN DAN BUDAYA**

**Komedi Integriti Berdiri: Mencari Kelainan Memupuk Budaya Berintegriti**

Program Integrity Art Night anjuran INTEGRITI pada 7 Februari 2018 telah menampilkan penerbit, pelawak, penulis skrip, pelakon, pengacara dan penyanyi yang tidak asing lagi, Dato' Afdlin Shauki dan Nizam Jentik-Jentik, pelawak dan peserta Separuh Akhir Program Lawak Solo Astro 2016.

Nizam Jentik-Jentik yang menyampaikan persembahan *'Stand-up Comedy"* menerapkan pelbagai contoh bagaimana integriti boleh dibudayakan dan diamalkan dalam persembahannya. Nizam menambah, setiap individu perlu mengutamakan budaya berintegriti dan ia harus bermula dari usia kecil dan di peringkat keluarga itu sendiri. Selaku ahli panel utama, Afdlin pula berkongsi pengalaman beliau mengenai kepentingan nilai-nilai integriti untuk




YBhg. Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan ketika sesi rakaman oleh INTEGRITI. TV



Nizam Jentik-jentik ketika menyampaikan persembahan *Stand Up Comedy*



Para peserta bergambar kenangan bersama para panel dan Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI.

disalurkan melalui platform komedi. Beliau berkongsi pengalaman menerusi segmen Dialog Komedi Reflek Integriti yang dikemudi oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff.

Program yang diadakan di Auditorium INTGRITI tersebut dihadiri oleh seramai 200 penonton.

## SUKAN DAN REKREASI

***Coffee Table Book* berjudul INTEGRITI : Keaslian Dalam Kepelbagaian**

Usaha pembudayaan integriti bukan hanya tertumpu kepada program pendidikan dan advokasi sahaja, oleh yang demikian, INTEGRITI telah menerbitkan sebuah *Coffee Table Book* berjudul INTEGRITI : Keaslian Dalam Kepelbagaian. Buku ini memaparkan usaha-usaha pembudayaan integriti yang dilaksanakan oleh INTEGRITI daripada tahun 2015 hingga 2017. Sejak penubuhan INTEGRITI pada 23 April 2004, institut ini telah menjalankan pelbagai bentuk program merentas lapan sektor dan institusi iaitu keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, institusi pentadbiran, institusi ekonomi, institusi agama dan institusi politik.

Pelbagai kaedah telah digunakan untuk menyampaikan mesej integriti bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Garapan ini hanya dilaksanakan oleh INTEGRITI menjadikan ia unik dalam kalangan agensi dan organisasi dalam negara. Penerbitan buku ini diharap menjadi inspirasi kepada semua pihak terutamanya mengenai kepelbagaian kaedah pembudayaan integriti yang boleh dilaksanakan.




*Coffee Table Book* berjudul INTEGRITI : Keaslian Dalam Kepelbagaian

## PENYELIDIKAN




Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin, Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI bergambar kumpulan dengan para peserta bengkel

**Bengkel/Retreat Kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN) 2017**

Pelaksanaan Bengkel KPIN 2017 telah diadakan pada 24-26 April 2018 bertempat di Hotel Hatten, Melaka dengan kapasiti peserta seramai 26 orang. Peserta bengkel terdiri daripada 10 ketua penyelidik IPTA yang telah dilantik sebagai koodinator pengutipan data KPIN 2017 termasuk 15 pegawai kanan serta ketua kluster INTEGRITI, tiga Ahli Jawatankuasa Penyelidikan serta dua orang jemputan khas perunding penyelidikan KPIN. Pembentangan hasil dapatan kajian telah dilaksanakan oleh Penyelaras Program Penyelidikan dibantu oleh perunding KPIN.

Bengkel ini dilaksanakan dalam dua kaedah iaitu yang pertama pembentangan hasil dapatan KPIN dan yang kedua perbincangan dalam kumpulan berkaitan data mentah KPIN bersama-sama penyelidik dan pegawai INTEGRITI.




Sesi perbincangan oleh para peserta bengkel.

Objektif bengkel ini diadakan ialah untuk:

i. Membentangkan hasil dapatan skor data analisis KPIN 2017;

ii. Memberi pendedahan, perkongsian dengan menyalurkan maklumat secara inklusif berkaitan data KPIN 2017;

iii. Memberi pemahaman dan pengetahuan kepada individu yang terlibat (terutamanya pegawai kanan INTEGRITI) berkaitan KPIN 2017;

iv. Menambah baik hasil dapatan analisis dan maklumat sedia ada melalui perbincangan berkumpulan.

**Penulisan Artikel KPIN 2017**

Perkongsiaan pembentangan hasil dapatan kajian IPIN 2017 termasuk laporan pemantauan kajian lapangan di setiap negeri. Perbincangan dalam kumpulan menghasilkan tiga artikel dengan menggunakan data mentah hasil dapatan IPIN 2017. Penulisan artikel adalah hasil daripada enam orang penyelidik IPTA yang terlibat dalam bengkel.

Objektif penulisan ini adalah untuk menginteprestasikan data analisis KPIN 2017 dalam bentuk penulisan artikel.

**Pembinaan Indeks Integriti Malaysia (InTeM)**

Indeks ini dibangunkan adalah lanjutan daripada maklum balas Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI yang diketuai oleh Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi INTEGRITI. Hasil analisis KPIN 2017 adalah seperti berikut:

i. Data IPIN adalah bias kerana hanya memaparkan data *(soft data)* berasaskan persepsi;

ii. INTEGRITI dicadangkan supaya membangunkan indeks integriti yang mempunyai komponen *soft data* (persepsi) dan *hard data* (statistik);

iii. Masukkan komponen pelbagai prestasi pencapaian negara *(hard data)*.

Oleh itu, INTEGRITI mengambil keputusan membangunkan Indeks Integriti Malaysia (InTem), iaitu gabungan *soft data* (persepsi survei) dan *hard data* iaitu data administratif (statistik).

Indikator dalam IPIN ini memfokuskan lima sasaran komponen yang mengukur pencapaian lima Tekad INTEGRITI :

| Bil | Indeks Komponen IPIN | Indikator InTem |
|---|---|---|
| 1 | Indeks Persepsi Rasuah Malaysia | Indeks Statistik Rasuah Malaysia |
| 2 | Indeks Persepsi Kualiti Penyampaian Khidmat Awam | Indeks Statistik Kualiti Penyampaian Khidmat Awam |
| 3 | Indeks Persepsi Amalan Etika Perniagaan dan Tanggungjawab Sosial | Indeks Statistik Amalan Etika Perniagaan dan Tanggungjawab Sosial |
| 4 | Indeks Persepsi Kemantapan Institusi Keluarga dan Komuniti | Indeks Statistik Kemantapan Institusi Keluarga dan Komuniti |
| 5 | Indeks Persepsi Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat | Indeks Statistik Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat |

**Buku Perangkaan Indeks Persepsi Integriti Nasional (KPIN) 2007-2017**

Usaha penyelaras program penyelidikan dalam menerbitkan buku yang mengenai data-data indeks hasil Kajian Persepsi Integriti Nasional (KPIN). Buku ini merupakan kompilasi data-data indeks hasil dapatan KPIN dari tahun 2007-2017.

KPIN ini diadaptasikan menerusi Pelan Integriti Nasional yang mempunyai lima sasaran utama yang mana pelaksanaannya adalah untuk membentuk nilai-nilai murni ke arah membudayakan integriti dalam segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

Penerbitan buku ini dizahirkan untuk berkongsi maklumat berkaitan data-data indeks yang telah dianalisis menerusi hasil dapatan IPIN 2007-2017. Data-data indeks yang terkandung dalam buku ini merangkumi keseluruhan data indeks dan sub indeks berserta perincian setiap pernyataan instrumen yang merangkumi 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan di Malaysia.

Komponen-komponen instrumen yang dibentuk juga berdasarkan lima TEKAD INTEGRITI dengan tiga kumpulan sasaran utama iaitu isi rumah, penjawat awam dan pertubuhan ekonomi.Secara keseluruhannya, data indeks ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan yang amat mantap dan eksklusif dari sudut perincian analisis data.

## PUSAT ILMU INTEGRITI

Pusat Ilmu Integriti merupakan sebuah perpustakaan khusus dan ia dibangunkan dan dirangka untuk memenuhi keperluan program-program INTEGRITI sebagai sebuah institusi pemikir perdana negara berkaitan hal ehwal integriti, etika awam, governans dan antirasuah. Bahan bacaan dan rujukan disediakan untuk memenuhi program pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh INTEGRITI.

### Koleksi Bahan Bacaan dan Rujukan

Koleksi keseluruhan sehingga Disember 2018 ialah 14,103 bahan perpustakaan dalam pelbagai jenis untuk bacaan dan rujukan pengguna dan penyelidik. Perolehan bahan baharu yang telah dikatalog dan diklasifikasikan adalah seperti berikut:

| Bil. | Perolehan | Jenis Output | 2018 | Tambahan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Koleksi Bahan Rujukan | Buku / Monograf<br>Bahan Berkala<br>*Pamphlet*<br>Keratan Suratkhabar<br>Audio visual<br>Foto Album | 9684<br>36<br>438<br>3235<br>501<br>21 | 237<br>8<br>70<br>896<br>10<br>2 |
| 2 | Kandungan Digital | Pangkalan Data<br>Koleksi Artikel<br>*e-Resources* (portal) | 5<br>10<br>12 item | -<br>10<br>- |
| 3 | Bahan Repositori INTEGRITI | Penerbitan INTEGRITI (Buku)<br>Dokumen Institutsi<br>Buletin/*Newsletter*<br>MoU<br>KPIN<br>Laporan<br>Tesis/Kajian | 71<br>20<br>10<br>34<br>7<br>7<br>12 | 5<br>-<br>10<br>-<br>-<br>-<br>- |
| 4 | Lain-lain | Integriti Link | 17 | 8 |
| | **JUMLAH** | | **14,103** | **361** |

**Penyebaran Maklumat Terpilih (SDI)**

Antara perkhidmatan informasi semasa ini ialah menyediakan *Document Highlights, New Additions* dan Pameran Buku Baharu yang disenaraikan di dalam portal Pusat Ilmu Integriti dan dikemas kini secara bulanan. Tujuan perkhidmatan ini ialah untuk memaklumkan para penyelidik dan pembaca tentang buku baharu dan bahan rujukan terpilih dari koleksi Pusat Ilmu.

Pameran buku baharu juga dipamerkan di ruang Pameran Buku dan di ruang perolehan baharu di Pusat Ilmu Integriti. Acara ini diadakan secara bulanan ataupun sempena program INTEGRITI yang di adakan di INTEGRITI.

Pada 10 Disember Pusat Ilmu mengadakan pameran khusus buku-buku mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad bersempena **Seminar Anti-Corruption Champion: Sharing Session with Winners of the Sheikh Tamim Bin Abdul Rahman Al-Thani International Anti-Corruption Excellence Award 2018.**




Pameran Buku Tun Dr. Mahathir Mohamad

**Program *Outreach***

Pusat Ilmu menerima jemputan untuk mengambil bahagian sebagai salah sebuah perpustakaan *Pit Stop* Program *Spy Camp:* Innovation in the Library anjuran Perpustakaan MITI Bahagian Pengurusan Ilmu dan Maklumat Digital yang diadakan pada 20 September 2018. Program ini diadakan sempena Kempen *I Read* di perpustakaan sekitar Jalan Tuanku Abdul Halim.

Pusat Ilmu Integriti telah mengadakan dua aktiviti iaitu aktiviti Pameran Buku Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi mendapatkan tajuk buku. Tajuk buku tersebut diperolehi dari Pusat Ilmu Integriti dan kod tajuk berkenaan disediakan dengan kerjasama Kluster Sosiobudaya INTEGRITI.

## ARKIB DAN DOKUMENTASI

**INTEGRITI-Perbadanan Sumber Manusia Meterai MoU Perkasa Budaya Berintegriti**

INTEGRITI dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), satu langkah yang signifikan dalam membantu agensi itu menggunakan Profil Integriti Malaysia (MIP) bagi mengenal pasti isu atau masalah berkaitan dengan integriti.

Di bawah MoU, PSMB akan menggunakan MIP bukan sahaja dalam kalangan kakitangannya, malah membabitkan syarikat-syarikat yang berdaftar dengannya demi melahirkan pemegang berkepentingan yang berintegriti.

Objektif MoU itu adalah untuk memberi persefahaman dan menjalin kerjasama yang efektif antara INTEGRITI dan PSMB dari segi pembangunan profil dan penilaian tahap integriti kakitangan. MIP boleh digunakan untuk proses pengambilan, pengurusan modal insan dan juga pengurusan pihak-pihak berkepentingan yang ada kaitan dengan PSMB.

Bagi pihak INTEGRITI, MoU itu ditandatangani oleh Datuk Dr. Anis Yusal, manakala PSMB pula diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, Dato' CM Vignaesvaran Jeyandran dengan disaksikan oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan. Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Dato' Dr. Mohd Gazali Abas.



Berjabat tangan simbolik bagi majlis MoU.

**Pendokumentasian Sejarah Penggubalan PIN dan Penubuhan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)**

Usaha mengumpulkan rakaman sejarah lisan dengan menemu bual tokoh-tokoh yang telah memainkan peranan penting dalam penggubalan PIN dan penubuhan INTEGRITI diteruskan.

Dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia, beberapa siri temu bual telah dilaksanakan. Antara tokoh-tokoh yang telah ditemu bual pada tahun 2018 adalah Datuk Hajah Sutinah Sutan, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya, SPRM dan Encik Muhamad Zaki Ibrahim, Timbalan Pengarah II Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM. Kedua-dua tokoh ini memainkan peranan penting bersama-sama pasukan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia peringkat awal penggubalan Pelan Integriti Nasional pada tahun 2001-2004.

Mereka juga terlibat dalam pelaksanaan laporan "Kajian Persepsi Awam Terhadap Rasuah di Malaysia" yang telah disempurnakan pada tahun 2002, dan seterusnya telah dibentangkan dalam satu Mesyuarat Khas JKKMKPK pada 31 Mac 2003. Laporan ini memperakukan tentang perlunya negara Malaysia mempunyai sebuah pelan integriti yang bersifat holistik bagi menangani isu integriti masyarakat dan negara. Di samping itu, laporan ini juga turut memperakukan tentang perlunya penubuhan sebuah institusi khusus bagi tujuan mengkoordinasi pelaksanaan pelan integriti di peringkat nasional.

Hasil temu bual sejarah lisan Perintis PIN dan penubuhan INTEGRITI akan didokumentasikan untuk rujukan masa hadapan.

Arkib dan Dokumentasi juga telah mengumpulkan dokumen berkaitan PIN dengan bantuan YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong.

## PERUNDINGAN

**Profil Integriti Malaysia (MIP) - Ujian Psikometrik Ukur Nilai Peribadi Dan Personaliti**

MIP adalah instrumen penilaian integriti individu yang mengukur kecenderungan seseorang itu mengenai nilai integriti. Dibangunkan untuk mengenal pasti kecenderungan seseorang individu untuk menjadi jujur dan konsisten dari segi tindakan, nilai-nilai dan prinsip-prinsip, dan juga untuk melihat integriti sebagai bahagian penting dalam kehidupan seseorang. MIP berupaya mengukur personaliti dan keperibadian yang boleh mempengaruhi kemampuan individu untuk mengekalkan integriti dalam pelbagai situasi. Malah, instrumen ini mampu menentukan kemungkinan seseorang bertindak mengikut nilai integriti dan kecenderungan menunjukkan cabaran tingkah laku di tempat kerja berdasarkan penilaian psikometrik.

